# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 47 | RABU 25HB NOBEMBER, 1981. | رابو 27 محرم 1402 | PERCHUMA




PADA menjunjong titah perentah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Negara Pengiran Anak Tahiruddin bin Pengiran Muda Safiuddin (gambar atas) telah di-lantek sa-bagai 'Grand Chamberlain' mulai 1hb. Nobember, 1981.

Mulai dari tarikh yang sama (1hb. Nobember, 1981), Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Hj. Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid di-lantek sa-bagai Penolong Grand Chamberlain.

## Istiadat Mengagai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Istiadat Mengagai bagi Yang Mulia Colonel Dato Seri Paduka John Gerard Moran dan Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Dr. Narendra Dhwaj Joshi telah di-langsongkan pagi semalam.

Istiadat tersebut telah di-langsongkan di-Lapau di-hadapan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Istiadat2 tersebut ada-lah sa-bagai persediaan bagi Istiadat Mengorniakan gelaran 'Pehin' yang akan di-adakan di-Lapau pada hari Selasa 1hb. Disember, 1981.

Colonel Dato Seri Paduka John Gerard Moran ia-lah Pakar Perubatan bagi pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sementara Dato Seri Laila Jasa Narendra Dhwaj Joshi ia-lah doktor pakar mata di-Rumah Sakit Besar Bandar Seri Begawan.

### Hasrat ujudkan pentadbiran yang lichin lagi chekap

# PENGGUNAAN PEGAWAI2 YANG BERKELULUSAN — Titah

**Oleh: Ja'afar Ibrahim**

BANDAR SERI BEGAWAN.—Dalam hasrat untok mengujudkan pentadbiran Kerajaan yang lichin lagi chekap, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri telah mengarahkan Kerajaan Baginda untok menyusun dan mengator semula pentadbiran dengan penggunaan pegawai2 yang berkelulusan dan berkelayakan dalam jawatan2 yang sawajar-nya.

"Semua ini ada-lah bertujuan untok menchapai hasrat Beta supaya pentadbiran Kerajaan Beta akan berjalan dengan lichin lagi chekap demi untok kepentingan negara dan raayat Negeri Brunei serta segala isi di-dalamnya," titah Baginda.

Bertitah ketika berangkat ka-Mukim Sungai Kebun, di-Kampong Ayer pagi semalam, Baginda Yang Dipertuan bagaimana pun menyedari bahawa perlaksanaan sasuatu yang di-ranchang dan di-susun itu sudah tentu akan memakan masa.

Sunggoh pun Brunei mempunyai kemampuan dari segi kewangan untok melaksanakan apa jua ranchangan2 yang di-fikirkan bermunafaat kapada raayat dan pendudok negeri ini, akan tetapi, Negeri Brunei menghadapi kekurangan tenaga manusia yang berkemahiran untok mengerjakan sa-suatu yang berkehendakkan kemahiran itu.

"Oleh yang demikian Beta berharap raayat dan pendudok Negeri Brunei akan bersabar dan Insha Allah Beta sendiri akan memberikan perhatian yang berat terhadap per-

Lihat muka 20



**PENDUDOK2 Mukim Sungai Kebun mengalu2kan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ka-mukim tersebut.**



**Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abd Rahman menyampaikan sijil kapada Awang Taib bin Jama'at, salah sa-orang guru ugama yang menamatkan kursus ilmu fiqeh.**

# Tugas guru2 Ugama bukan senang untok di-laksanakan – Pmk. S.U.K.

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awg. Abd. Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib mensifatkan guru2 ugama ada-lah sa-bagai Ketua dan juga lambang untok menyatukan umat Islam di-negeri ini dalam menghayati Islam sa-bagai chara hidup sa-harian.

"Guru2 Ugama ada-lah juga di-sifatkan sa-bagai ketua di-kalangan masharakat dan juga di-sifatkan sa-bagai imam," tambah Yang Berhormat.

Beruchap sa-jurus sabelum menyampaikan sijil-sijil kapada 71 orang guru ugama lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad lepas, Yang Berhormat itu seterusnya menegaskan tugas dan tanggong-jawab guru2 ugama dalam perkara ini bukan-lah senang untok di-jalankan.

Walau bagaimana pun, Yang Berhormat itu perchaya para bakal guru yang di-tauliahkan pada hari itu bukan-lah memileh kerjaya guru di-sebabkan kesenangan tugas dan tanggong-jawab-nya.

Untok itu, Yang Berhormat berharap supaya bakal2 guru harus-lah berterima kaseh yang mereka ada-lah di-bawah lindongan satu jabatan yang benar2 bertanggong-jawab dan mempunyai pandangan jauh dalam meranchang bagi membuat persediaan masa depan dan menerima chabaran2 yang sentiasa akan menduga ketegohan dan keutohan benteng ajaran2 Islam.

Ranchangan yang baik saumpama ini, tegas Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, di-tambah pula dengan ada-nya pegawai2 dan kakitangan berkelayakan yang telah di-lahirkan oleh maktab ini sejak 1975 akan dapat membentok benteng kukoh yang bersedia menjaga dengan penoh rasa chemburu, masa depan serta kesuchian ugama dan chorak Brunei di-zaman penoh pancharoba ini.

"Usaha Pejabat Hal Ehwal Ugama melalui maktab ini harus-lah di-beri pujian. Dengan chara memberi ajaran semula kapada guru2 yang sudah berkhidmat melalui kursus lanjutan Ilmu Fiqeh, maktab ini telah menimbul-

Lihat muka 20

# Sharat2 untok menjadi guru yang berjaya—

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain menyarankan dua sharat utama untok menjadi guru yang berjaya.

Sharat2 tersebut ia-lah sa-tiap guru mesti-lah mempunyai kemampuan akademik dan kemahiran kerjaya.

Kata-nya berdasarkan kedua2 sharat tersebut sa-seorang guru itu akan menchapai kejayaan dalam menjalankan tugasnya.

Ini telah di-tegaskan oleh Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dalam uchapan alu2an-nya di-majlis penyampaian sijil lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad lepas.

Dalam pada itu, Yang Berhormat membidas guru-guru yang hanya tugasnya mengajar mengikut kewajipan kerja2 routine, mengikut atoran2 dan arahan2 sekolah serta kerana makan gaji.

Hal ini, kata-nya, boleh mengakibatkan pengabaian beberapa perkara penting saperti tidak mendidek dan mengasoh anak2 murid-nya dengan sempurna.

Terdahulu dari itu, Pengetua MPUSB, Haji Abdul Mokti dalam uchapan-nya menekankan kualiti daripada kuantiti chalon untok bakal2 guru yang di-terima masok ka-maktab tersebut.

Bagaimana pun, menurutnya dalam keadaan2 tertentu pehak maktab juga menerima sa-seorang chalon guru itu berdasarkan kapada chalon

Lihat muka 20

## Manis-nya Iman

"TETAMU itu suatu berkat dan nekmat daripada Allah s.w.t. Siapa yang menghormati (melayan dan bermurah hati) tetamu maka dia akan bersama saya di-shurga. Siapa yang tidak menghormati-nya maka dia bukan-lah dari golonganku." — HADITH Nabi (Durratun Nasehin).

Pelita Brunei
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

25HB NOBEMBER, 1981

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

# MINGGU KESIHATAN

KEMPEN Minggu Kesihatan yang akan di-lancharkan pada pertengahan bulan Disember depan dengan thema 'Keadaan Keliling Yang Berseh — Bangsa Yang Sehat' sepatut-nya memberi kesedaran kapada kita, kerana betapa keadaan keliling yang di-kehendaki itu perlu sekali di-jaga, di-awasi dan di-elakkan dari apa jua bentok penchemaran yang tidak di-ingini. Kebersehan alam keliling yang sentiasa terbiar dengan penchemaran yang bermaharaja lela boleh merosakkan ketidak-selesaan kesihatan kita di-samping menjijekkan pandangan mata.

Kesedaran yang perlu di-ujudkan itu jangan hanya sa-takat penyertaan kita turut bergotong-royong membersehkan beberapa kawasan yang terlibat sa-chara bermusim sahaja, malah kempen kebersehan yang bermusim sa-tahun sekali itu biar-lah akan terus di-amalkan dan di-gerakkan sa-panjang tahun dalam bentok praktikal-nya ia-itu dalam chara hidup kita sa-hari2 terutama pada menjaga dan mengawasi kebersehan keliling rumah dan sekitar-nya dari terus di-chemari oleh selerakan sampah sarap atau lain2 kotoran yang menyebabkan penchemaran.

Keadaan keliling yang terbiar dan sentiasa di-timbuni dan di-lachahi oleh berbagai kotoran sa-umpama di-kawasan2 perkilangan, bengkel2 pemeliharaan kenderaan dan lain2 perusahaan, pada kebiasaan-nya mudah sekali membuang sisa2 kotoran perkilangan dan perusahaan mereka sa-chara tak menentu. Dari kechuaian yang sama ada di-senghajakan atau tidak itu, kebersehan alam keliling sangat mudah terdedah kapada penchemaran yang tidak di-ingini. Dan dari pengalaman beberapa kempen kebersehan yang pernah di-lancharkan di-tahun2 kebelakangan ini, kawasan2 demikian-lah yang menjadi tumpuan kempen2 berkenaan. Memandangkan penchemaran berulang2 di-kawasan2 tersebut, maka patut-lah mereka yang berkaitan itu menumpukan perhatian yang sunggoh2 supaya penchemaran yang di-sesaki oleh pertambahan rumah2 dan bangunan2 dengan kepadatan penghuni-nya.

Dari keadaan demikian, mungkin-kah kita dapat dan mampu mengungkayahkan tenaga kita ka-arah usaha2 menjaga kebersehan yang di-kehendaki, bagi menjamin kesihatan dalam mengujudkan bangsa yang sehat saperti yang di-kehendaki oleh thema kempen kali ini, kalau hanya usaha itu bergerak sa-takat kempen itu di-lancharkan ? Ada-lah jelas bahawa kempen yang demikian itu memerlukan sambutan orang ramai agar terus mengamalkan tabi'at suka mengutamakan kebersehan untok kepentingan semua. Semoga hal2 yang sa-umpama ini dapat di-sebatikan dalam tindak-tandok harian kita.

# GURU2 UGAMA SA-BAGAI LAMBANG UNTOK MENYATUKAN UMAT ISLAM

**BERIKUT ia-lah uchapan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib sa-jurus sa-belum menyampaikan sijil2 kapada lepasan penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Ahad lepas.**

TERLEBEH dahulu saya sukachita menguchapkan setinggi2 terima kaseh kapada yang Berhormat Pengetua Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan pehak pengelola majlis ini kerana menjemput saya hadhir dan memberikan saya penghormatan untok menyampaikan sa-patah dua kata dalam majlis yang indah permai ini dan kemudian-nya nanti menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada bakal2 guru yang telah berjaya dalam jurusan masing2, ingatan baik lagi tulus ikhlas itu akan tetap saya sanjong dan akan menjadi ukiran manis dalam kenangan saya.

## BAKAL GURU

Di-majlis pada pagi ini, ingin saya menguchapkan setinggi2 tahniah kapada bakal2 guru yang akan menerima sijil sedikit masa lagi. Begitu juga kapada bakal2 guru yang akan menerima hadiah-pelajaran dan juga hadiah2 penuntut terbaik.

Dengan ada-nya sijil2 ini di-tangan bakal2 guru, maka mereka telah di-tauliahkan untok menyambong khidmat chemerlang para ulama dan pendakwah yang telah menjadikan masharakat kita orang2 yang perchaya dan beramal berlandaskan ajaran2 Islam.

Guru ada-lah di-sifatkan sa-bagai ketua di-kalangan masharakat kita. Guru ugama, di-samping di-sifatkan sa-bagai ketua ada-lah juga imam; ia-itu ketua dan juga lambang untok menyatukan umat Islam di-dalam perlaksanaan hasrat untok menghayati Islam sa-bagai chara hidup.

## PANDANGAN JAUH

Saya yakin tugas dan tanggong-jawab ini tidak-lah senang. Tetapi, saya yakin juga bahawa para bakal guru yang akan di-tauliahkan pada hari ini bukan-lah memileh kerjaya guru di-sebabkan kesenangan tugas dan tanggong-jawab-nya. Walau bagaiman pun, para bakal guru harus-lah berterima kaseh yang mereka ada-lah di-bawah lindongan satu jabatan yang benar2 bertanggong-jawab dan mempunyai pandangan jauh di-dalam meranchang bagi membuat persediaan masa depan dan menerima chabaran2 yang senantiasa akan menduga ketegohan dan keutohan benteng ajaran2 Islam.

Rasa saya peranchangan yang baik ini, di-tambah pula dengan ada-nya pegawai2 dan kaki-tangan berkelayakan, yang satu daripada-nya adalah di-usahakan oleh maktab ini sejak dari tahun 1975 lagi, akan dapat membentok satu benteng kukoh yang bersedia menjaga dengan penoh rasa chemburu, masa depan serta kesuchian ugama dan chorak bangsa Brunei di-zaman penoh pancharoba ini.

## UMPAMA LAUTAN

Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama melalui maktab ini harus-lah di-beri pujian. Dengan chara memberi ajaran kapada bakal guru, dan dalam waktu yang sama memberi ajaran semula kapada guru2 yang sudah berkhidmat melalui kursus lanjutan ilmu fiqeh maktab ini telah menimbulkan satu sistem yang boleh memberikan kursus2 lanjutan ilmu2 ugama ini patut-lah di-galakkan, bukan sahaja bagi kaum guru tetapi juga bagi seluroh umat Islam di-negeri ini. Kerana saperti mana yang sama2 kita ketahui ilmu ugama tiu ada-lah umpama lautan yang luas dan tidak berbidok.

Telah menjadi lumrah di-kalangan masharakat kita; sama ada masharakat pejabat atau masharakat tempat kediaman, untok berusaha mengadakan kelas2 ugama dewasa. Usaha sa-umpama ini patut-lah di-galakkan, chara2 penyampaian patut-lah di-sesuaikan, dan isu2 yang hendak di-sampaikan hendak-lah di-padankan dengan keadaan lembut keras penuntut dan selera penerimaan mereka, agar berpanjangan-lah minat mereka untok menuntut ilmu ugama itu.

Akhir-nya bagi menutop uchapan rengkas saya ini, saya sekali lagi menguchapkan tahniah kapada semua yang akan menerima sama ada sijil atau hadiah pada hari ini. Kita berdoa bersama, mudah2an majlis hari ini yang juga di-sempenakan dengan Sambutan Tahun Hijrah 1402 akan mendapat berkat.

# Dua sharat untok menjadi guru yang berjaya

**UCHAPAN alu2an Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin, di-Majlis Penyampaian Sijil kapada lepasan penuntut Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan pada hari Ahad lepas.**

Al-hamdulillah shukor kehadhrat Allah s.w.t., selamat dan salam kapada Junjongan kita Nabi Mohammad s.a.w., serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Dengan izin Allah jua maka ini-lah Majlis Penyampaian Sijil kapada penuntut2 lulusan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan kali yang ke-Tujoh, dan dengan kemurahan Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awg. Haji Mohd. Taib, maka saya menguchapkan terima kaseh yang sa-tinggi2-nya kapada Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei kerana kesudian beliau akan menyampaikan sijil2 kapada penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah lulus dalam pepereksaan Tahun III bagi tahun ini, dan juga saya menguchapkan terima kaseh kapada hadhirin sekalian kerana sudi turut hadhir pada menyerikan majlis ini.

Sekarang izinkan-lah saya menghadapkan uchapan saya ini kapada penuntut2 Maktab Perguruan ini dan kapada semua guru2 Ugama sekalian.

## SHARAT UTAMA

Bahawasa-nya untok menjadi guru yang berjaya dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, guru itu memerlukan dua sharat yang utama saperti berikut:—

i) Mempunyai kemampuan akademik, ia-itu menguasai ilmu pengetahuan dan matapelajaran yang di-ajarkan-nya.

ii) Mempunyai kemahiran kerjaya ia-itu kemahiran2 yang di-perlukan bagi menyampaikan ilmu pengetahuan dan matapelajaran yang di-ajarkan-nya itu.

Berdasarkan kedua2 sharat itu maka guru yang sedemikian akan menchapai kejayaan dalam menjalankan tugas-nya, khas-nya dari segi memberi dan menyampaikan ilmu pengetahuan atau pemahaman yang betul mengenai dengan matapelajaran. Dalam pada itu guru2 yang hanya tugas-nya mengajar, ia sa-olah2 hanya menjalankan kewajipan kerja2 routine mengikut atoran-atoran sekolah dan mengikut arahan2 serta kerana makan gaji, maka mungkin pengabaian berlaku dalam beberapa segi lain yang penting, kerana guru yang sedemikian mungkin tidak mendidek dan tidak mengasoh murid2-nya.

## INGIN BERJAYA

Kerana itu pendidekan Islam menekankan dua sharat lagi yang perlu di-mileki oleh guru2 yang ingin berjaya dan baik ia-itu:—

i) Mempunyai akhlak dan peribadi yang terpuji,

ii) Mempunyai sikap dan pegangan keugamaan.

Akhlak dan peribadi yang terpuji bagi sa-seorang guru hendak-lah menjadi basahan-nya sambat malamari, menjadi pembawaan-nya tengah malam badinihari, sebati macham isi dengan kuku, sa-hingga menjadi darah daging-nya.

Orang tua dahulu meninggalkan warisan ungkapan kata-kata "Guru kenching berdiri murid kenching berlari", mungkin dapat di-ambil kesimpulan dari ungkapan itu, bahawa satu2 keburokan yang di-buat oleh guru boleh menjadi ikutan kapada murid2-nya, dan murid itu pula mungkin akan membuat perkara lebeh dahshat lagi daripada apa yang di-buat oleh guru-nya.

Kalau tidak silap dari segi ilmu pendidekan, pakar2 ilmu pendidekan telah menthabitkan bahawasa-nya "Penuntut2 terpengaroh dengan kelakuan guru-nya, terpengaroh dengan perbuatan guru-nya. Pengaroh kelakuan dan perbuatan guru2 itu terhadap murid2-nya lebeh berkesan dan lebeh banyak daripada murid2 itu terpengaroh dengan apa yang guru-nya uchapkan kapada-nya saperti nasehat dan ingatan2". Pendek-nya perbuatan guru lebeh berkesan di-jiwa murid-murid-nya daripada uchapan dan nasehat guru itu.

Mengenai dengan sikap dan pegangan keugamaan, maka guru2 yang sedemikian akan dapat menyampaikan pelajaran dan pendidekan sa-chara ajaran Islam, serta dapat pula mengawasi semua kegiatan, agar tidak terkeluar dan tidak bertentangan dengan ajaran2 Islam.

Dengan ada-nya akhlak dan peribadi yang terpuji, dan sikap serta pegangan keugamaan pada diri guru2, maka guru Ugama yang sejati akan dapat menyampaikan tugas-nya dengan sempurna saperti berikut:—

i) Sa-bagai penyampai ilmu pengetahuan;

ii) Sa-bagai pendidek dan pengasoh;

iii) Sa-bagai chontoh dan ikutan murid2;

iv) Sa-bagai ahli dakwah yang berkesan, yang menyeru kapada kebaikan dan penghalang kapada kemungkaran, berdasarkan kata2 dan perbuatan guru itu sendiri.

## KEKURANGAN

Di-samping itu saya ada-lah menyedari bahawa kita menghadapi kekurangan buku-buku, baik dalam Bahasa Arab mahu pun dalam Bahasa Melayu, yang memperkatakan sa-chara khusus dan mendalam mengenai dengan chara2 mengajar dan chara2 penyampaian matapelajaran2 Ugama, menurut kaedah2 yang sesuai dengan keadaan sekarang ini. Oleh itu saya berharap supaya maktab ini akan memainkan peranan-nya bagi berusaha untok mengisi kekosongan tersebut, dengan chara berusaha mengumpulkan pengetahuan2 dan pengalaman2 dari Guru2 Ugama yang ada di-negeri ini, di-samping maktab ini sendiri akan sentiasa memikirkan chara2 lain bagi maksud tersebut.

Akhir-nya saya menguchapkan terima kaseh sekali lagi kapada Yang Berhormat Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohd. Taib, Pemangku Setia Usaha Kerajaan Brunei, di-atas kesudian-nya menghadhiri majlis ini dan akan memberikan kata2 nasehat, dan seterus-nya akan menyampaikan sijil2 kapada penuntut2 Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan. Dan terima kaseh juga kapada para hadhirin sekalian kerana sudi meluangkan masa dan menyerikan majlis ini.

# PERUSAHAAN MEMBUAT PERAHU "FIBRE GLASS" YANG PERTAMA

Oleh: Timbang Bakar





SA-BUAH perahu biasa yang sudah siap berukoran 10 kaki panjang. Gambar atas ia-lah Awang Mahmood yang membuat perusahaan perahu itu.

TUTONG. — Anggapan sa-tengah orang bahawa orang Melayu tidak pandai atau tidak boleh berniaga, apa-tah lagi membuat sesuatu perusahaan yang besar terutama sekali dalam perusahaan2 yang memerlukan kemahiran teknikal, ada-lah tanggapan yang salah dan lapok. Kerana sekarang ini orang Melayu telah menyedari dan menginsafi, kini masa-nya telah tiba untok bumiputera mengendalikan dan mengusahakan sendiri bidang2 perniagaan dan perusahaan demi untok meninggikan taraf ekonomi bumiputera.

Di-samping itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga sentiasa berusaha pada memberi galakan, bimbingan dan bantuan kewangan kapada peniaga2 bumiputera untok mendorong mereka sama2 bergerak maju dengan peniaga2 bukan bumiputera.

## SEMANGAT

Dengan ada-nya galakan, bimbingan dan bantuan dari pehak Kerajaan itu nampak-nya telah menambahkan lagi semangat dan keyakinan bakal2 peniaga untok mencheborkan diri dalam bidang tersebut dan bagi mereka2 yang sedang berniaga akan melipatgandakan lagi usaha mereka demi untok memenohi keperluan2 masharakat di-negeri ini di-samping dapat menggimbari usaha2 Kerajaan dalam pembangunan dan meninggikan taraf ekonomi rakyat.

Kemahiran orang2 Melayu dalam beberapa bidang pertukangan memang tidak dapat di-nafikan. Salah satu dari bidang kemahiran yang menjadi warisan orang Melayu sejak zaman berzaman ia-lah pertukangan kayu — termasok-lah membuat perahu. Tetapi penggunaan perahu atau bot2 yang di-perbuat dari kayu di-zaman yang serba moden ini telah mendapat saingan dari perahu2 jenis moden yang di-perbuat dari aluminium, fibre glass dan seumpamanya yang lebeh rengan dan mudah di-gunakan serta tahan lama di-samping pasaran-nya yang chukop menggalakkan.

## "FIBRE GLASS"

Memandangkan hal yang demikian itu, salah sa-orang pendudok dikampong Kuala Tutong di-sini telah membuka sabuah perusahaan membuat perahu dari 'fibre glass' (serabut kacha — bukan plastik saperti yang dikatakan oleh sa-tengah orang). Beliau ia-lah Awg. Mahmod bin Awg Damit, yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan. Satelah beliau menamatkan perkhidmatan-nya dengan Kerajaan, maka beliau pun membuka perusahaan itu yang di-kenali dengan nama PERUSAHAAN SERI MELATI.

"Pada mula-nya saya hanya membuat perahu biasa yang di-buat dari kayu, itu pun sa-chara kechil-kechilan saja. Walau bagaimana pun lapangan ini memang saya minati dan memang telah menjadi chita2 saya sa-baik2 saja menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan. Kechenderongan ini dikuatkan lagi dengan ada-nya dorongan dan galakan dari saudara saya di-Kota Kinabalu yang sudah lama membuat perusahaan perahu fibre glass, minat saya pun sa-makin mendalam, lalu saya pun menchuba membuat perusahaan itu."

## BERLAINAN

Walau pun perusahaan membuat perahu dari fibre glass ini agak berlainan chara-nya dari perahu kayu, tambahan pula ini-lah satu2-nya perusahaan yang julong2 kali-nya di-usahakan di-negeri ini, namun, kerana kegigihan dan keyakinan terhadap diri sendiri akhir-nya Awang Mahmood berjaya jua menchapai yang di-chita2-kan-nya.

Sa-jauh ini perusahaan beliau hanya mempunyai empat orang pekerja termasok sa-orang yang didatangkan dari luar negeri di-samping di-bantu oleh anak2-nya. Salah sa-orang dari anak-nya telah beliau hantar ka-Kota Kinabalu, Sabah untok mempelajari bidang berkenaan sa-lama enam bulan. Beliau menerangkan tenaga pekerjanya itu belum lagi menchukopi. Kerana kata-nya anak2 tempatan belum berminat untok melakukan kerja2 saperti itu. Untok itu beliau terpaksa mendatangkan pekerja2 dari luar negeri untok menambah tenaga pekerja-nya.

## KEMAHIRAN

Bahan2 yang di-gunakan untok membuat perahu ini ia-lah fibre glass, gam, bahan pewarna dan beberapa jenis barang mekanikal. Semua bahan2 tersebut di-datangkan dari Singapura. Awang Mahmood menerangkan membuat perahu dari fibre glass ini tidak-lah begitu susah hanya memerlukan kemahiran2 tertentu. Chepat atau lambat-nya sasebuah perahu itu di-siapkan bergantong-lah kapada banyak bahan yang digunakan dan keadaan chuacha yang baik. Biasanya bagi perahu biasa yang berukoran 10 kaki panjang boleh di-siapkan dalam masa lima hari saja.

Ketika di-tanya tentang harga bagi sa-sebuah perahu itu, beliau menjelaskan, "Itu juga bergantonglah kapada banyak-nya bahan yang di-gunakan dan saiz perahu itu. Tetapi harga yang rendah sekali ia-lah $850.00 ia-itu bagi perahu biasa yang berukoran 10 kaki panjang. Manakala jenis bot moden yang berukoran 14 kaki panjang, di-pasang stering, kushen dan chermin hadapan berharga lebeh $4,000.

## TIGA JENIS

Pada umom-nya terdapat tiga jenis bot yang di-buat di-sini, ia-itu jenis perahu biasa, jenis bot moden dan jenis bot yang besar. Awang Mahmood menerangkan ketiga2 jenis bot itu boleh di-gunakan untok pengangkutan, menangkap ikan dan sebagainya. Di-samping itu perusahaan ini juga mengadakan perkhidmatan membaiki kerosakan perahu dan bot.

Menurut Awang Mahmood lagi, bahan fibre glass ini kegunaan-nya bukan saja terhad kapada pembuatan perahu atau bot, tetapi ia-nya boleh juga di-buat dalam bentok keperluan2 lain saperti untok perhiasan rumah dan sebagai-nya. Sa-jauh ini di-samping membuat perahu dan bot perusahaan ini juga telah berjaya menghasilkan jenis pasu bunga yang di-perbuat dari fibre glass.

## TEMPAHAN

"Sejak perusahaan ini di-tubohkan kira2 dua tahun sa-tengah yang lalu, penjualan-nya boleh-lah di-katakan baik sekali. Kami bukan saja menerima tempahan dari dalam negeri, bahkan juga dari negara2 jiran. Jenis bot yang di-gunakan untok menangkap ikan ada-lah yang terbanyak sekali dihasilkan sa-jauh ini," ujar Awang Mahmood.

Memandangkan kapada keperluan2 yang begitu menggalakkan dan dengan ada-nya kemudahan skim pinjaman kewangan dari pehak Kerajaan sa-banyak $40,000.00 Awang Mahmood berharap akan dapat membesarkan lagi perusahaan-nya itu, di-masa yang akan datang.



SA-LAIN dari membuat perahu, Perusahaan Seri Melati juga membuat pasu2 bunga. Gambar atas menunjokkan salah sa-orang pekerja sedang membersehkan achuan untok membuat pasu bunga tersebut.



PEKERJA2 sedang memasokkan fibre glass ka-dalam achuan yang di-sediakan untok sa-buah bot (atas). Gambar bawah pula pekerja ini sedang membaiki sa-buah bot.



# AJARAN SESAT

## BAHAGIAN V

## IKTIKAD PUAK BATINIYAH

DALAM tulisan yang lalu, telah di-sebutkan tiga perkara salah yang di-iktikadkan olah Puak Batiniyah ia-itu alam ini di-katakan mereka kadim, anak dalam kandongan di-pengarohi oleh bintang2 dan Tuhan di-katakan ada dua. Kali ini di-sebutkan lagi beberapa iktikad mereka yang salah itu — Penyunting.

**Siri ke-106**

(4) MEREKA ingkarkan ada-nya nabi2 dan mu'jizat, dan mereka menyangka bahawa sifat kenabian atau pangkat nabi dan mu'jizat itu suatu perkara silap mata dan sihir.

Menurut mereka kenabian itu ada-lah suatu perkara yang datang dari tuhan mereka yang bernama As-Sabiq, memasoki hati orang yang mendapat 'inayah dari tuhan mereka yang satu lagi ia-itu Al-Tali.

Mu'jizat pula, menurut mereka ia-lah mengetahui khasiat suatu perkara dan tabi'at sa-suatu.

Mereka menchela dan menudoh segala nabi2 Allah apa-tah lagi Nabi Muhammad s.a.w. Kata mereka : "Muhammad itu pemimpin kaum yang bodoh dan kechewa." Yakni ; Umat Islam yang terdiri daripada Sahabat2, Tabi'du, raja2 yang saleh, salaf as-Saleh, ulama, shuhada', siddiqin, wali2 dan orang2 saleh — menurut Puak Batiniyah — semua-nya orang bodoh, kechewa dan dungu. Ini suatu fikiran yang kufur!

(5) MEREKA ingkarkan ada-nya wahyu Allah dan malaikat. Menurut mereka, wahyu dan malaikat itu semua-nya bayangan, chontoh, isharat dan sindiran yang tiada dapat di-ketahui oleh puak yang memegang zahir sa-suatu. Lalu mereka pun mengubah ma'ana hakikat segala mu'jizat nabi2 dengan sewenang2 dan sesuka hati mereka.

Pendapat mereka dalam perkara ini hampir sama dengan pendapat ahli2 falsafah Greek yang kafirkan Allah.

Antara chontoh2 yang mereka ubahkan ta'wil dan erti mu'jizat ia-lah:

(a) Ular Nabi Musa ('alaihis salam) yang di-sebutkan dalam ayat 32 Surah As-Shu'ara itu mereka ertikan: Kemenangan Nabi Musa ka-atas Fir'aun dan orang2-nya.

(b) Mereka mengertikan ayat 57, Surah Al-Baqarah Nabi Musa memerentah Bani Israel, padahal ayat tersebut terang menyatakan bahawa Allah s.w.t. telah menurunkan awan melindongi Bani Israel dari panas chahaya matahari ketika mereka berada di-padang pasir Tih (lihat Tafsir Al-Jalalian).

(c) Mereka memaanakan yang Nabi Musa dilahirkan dengan tiada berbapa itu sa-bagai bererti bahawa dia (Nabi Musa) tiada mengambil ilmu daripada imam mereka, tetapi chuma daripada penolong imam mereka itu.

(d) Mereka ta'awilkan ayat 40 Surah Al-Haqah dan ayat 19 Surah At-Takwir bahawa Al-Koran itu perchakapan Nabi Muhammad s.a.w. dan bukan Kalamullah.

(e) Mereka ta'awilkan dan ertikan kejadian ayer menchurah dari jari2 tangan Nabi Muhammad ketika sahabat2 menghadapi keputusan bekalan ayer sabagai berma'ana 'membanyakkan ilmu'.

(f) Mereka ta'awilkan keterangan bahawa matahari naik dari arah barat pada akhir zaman itu dengan ma'ana keluar-nya imam (pemimpin) mereka.

Pendek kata, mereka ubah dan pesongkan erti ma'ana segala mu'jizat nabi2 dengan ma'ana dan erti yang sesuai dengan tujuan mereka semata-mata bagi maksud meruboh dan merosakkan Islam serta memperdaya umat Islam supaya turut sama kufur saperti mereka.

(6) MEREKA mengatakan Al-Kor'an itu perchakapan Nabi Muhammad s.a.w., susunan ibarat dan erti2-nya datang dari limpahan An-Nafsul Kulliah (salah satu tuhan mereka) masok ka-dalam diri nabi yang di-katakan mereka Al-Juj'iah itu. Kemudian nabi-lah menyusun perkataan2-nya, sebab itu, kata mereka Al-Kor'an itu bukan Kalamullah yang sebenar-nya.

Kadang2 mereka berdalil mengatakan yang Al-Kor'an itu bukan Kalamullah dengan ayat 40 dan 19 masing2 di-Surah Al-Haqah dan At-Takwil saperti yang di-sebutkan di-atas tadi.

Dan kata mereka lagi, Al-Koran itu ada mempunyai batin dan zahir yang mana batin Al-Kor'an itu menyalahi zahir-nya.

Ta'awil mereka mengenai ayat 40 dan 19 masing2 Surah Al-Haqah dan At-Takwir itu semata-mata menurut nafsu sebab ayat tersebut terang menyatakan bahawa Al-Kor'an itu di-bawa oleh Sayidina Jibril daripada sisi Allah s.w.t. kapada Sayidina Muhammad s.a.w. dan Al-Kor'an yang di-bawa oleh Jibril itu di-bacha oleh Baginda Rasulullah.

*WALLAHU A'ALAM.*

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

## Kursus Pendakwah di-Daerah Temburong berakhir

TEMBURONG. — Kira2 50 orang peserta telah mengambil bahagian dalam Kursus Pendakwah yang telah berlangsong di-Masjid Utama Mohammad Salleh di-Pekan Bangar pada hari Khamis, 12hb. Nobember lepas.

Kursus yang di-anjor-oleh Yunit Gerakan Dakwah daerah itu telah bermula sejak bulan Mach lalu dan telah berakhir pada hari Khamis lepas.

Beberapa achara yang telah di-ator di-sepanjang kursus itu yang mana di-antara-nya termasok-lah satu sharahan khas mengenai ajaran Islam yang telah di-sampaikan oleh Pegawai Ugama Kanan Brunei, Ustaz Haji Abd. Aziz bin Juned.

Kursus tersebut di-anjorkan untok memberikan penerangan2 lanjut mengenai ajaran Islam dan bagi menambahkan lagi pengetahuan ugama Islam mereka.

## PERANGKAB anjor Peraduan Zikir

BERAKAS. — Persatuan PERANGKAB Kampong Burong Pingai Berakas di-Daerah Brunei dan Muara akan menganjorkan satu peraduan zikir bagi peserta2 lelaki dan perempuan. Peraduan ini di-adakan ada-lah bersempena dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w..

Peraduan yang akan berlangsong pada bulan depan itu ada-lah di-buka kapada semua persatuan kebajikan dan belia yang bergabong dengan Majlis Belia2 Negeri Brunei, sekolah2 dan maktab2, pegawai2 kerajaan dan perseorangan.

Oleh yang demikian sasiapa yang ingin menyertai peraduan ini boleh-lah menerima butir2 lanjut serta borang2 penyertaan dari Awang Haji Johari bin Pehin Penyurat Haji Omar di-Radio Talivishen Brunei, Dayang Joriah bte Hj. Metali di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Juned bin Haji Ramli di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan dari Awang Azahari bin Haji Ahmad di-Yunit Peranchang Ekonomi, Bandar Seri Begawan.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan kapada wakil2 di-atas tadi tidak lewat dari 30hb. Nobember ini. — ZHS.



**Jawatankuasa Kechil Bahagian Keugamaan** bagi menyambut Perayaan Kemerdekaan tahun 1983 telah melangsongkan mashuarat-nya kali pertama bertempat di-Bilek Persidangan Majlis Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada hari Isnin 16hb. Nobember lepas (gambar atas).

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haii Mohd. Zain bin Haii Seruddin.

Ia-nya telah di-hadhiri oleh sa-ramai 10 orang pegawai2 kanan kerajaan yang mewakili Jabatan2 Perkhidmatan Diplomatik, Keria Raya, Adat Istiadat, Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Awang Aziz bin Muhammad serta lima orang pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Pada keselurohan-nya mashuarat tersebut di-adakan ada-lah bertujuan bagi membuat chadangan2 yang akan di-hadapkan kapada Jawatankuasa Kerja Kemerdekaan dan Jawatankuasa Tertinggi Kemerdekaan untok mendapatkan kelulusan.

# TAKWA MEMELIHARA MANUSIA DARI MENGERJAKAN MUNGKAR

TIAP2 khutbah jumaat tuan2 selalu mendengar khatib membacha ayat Kor'an yang kira2 bermaksud:

*"Wahai orang2 yang beriman bertakwa-lah kamu kapada Allah dengan sebenar-benar-nya, dan jangan-lah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan orang2 Islam."*

Ayat Kor'an ini amat jelas memerintahkan kita supaya kita bertakwa kapada Allah dengan sabenar2-nya dan jangan-lah kita mati melainkan dalam keadaan kita di-dalam Islam.



## MENJAGA DIRI

Takwa erti-nya memelihara atau berhati-hati dari mengerjakan apa2 jua yang bersifat burok dan mungkar menurut pandangan Islam. Jadi bertakwa kapada Allah itu erti-nya menjaga diri sendiri jangan sampai melakukan apa yang di-larang oleh Allah, jangan sampai mengerjakan apa jua yang di-haramkan oleh Ugama Islam dan sa-balek-nya hendak-lah dengan segera dan sa-berapa terdaya berbuat kebaikan, melaksanakan perintah Allah serta apa jua yang di-wajibkan oleh ugama.

Rasulullah s.a.w., dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh Imam Muslim pernah bersabda yang kira2 maksud-nya:

*"Takwa itu di-sini." dan Baginda menunjok ka-arah dada Baginda dan di-ulangi-nya sampai tiga kali.*

Jelas-lah bahawa takwa itu di-dalam hati tiap2 manusia, bukan di-dalam uchapan yang keluar dari bibir yang tidak bertulang. Bukan pula dengan perbuatan bertulis di-dalam kertas. Bukan dengan kata-kata kosong dan sabagai-nya, tetapi di-dalam perasaan yang tersimpan di-dalam hati, terpendam rapat di-dalam dada. Tidak perlu di-keluarkan atau di-tayang2kan atau di-megah2kan, bahawa diri-nya ada-lah manusia yang bertakwa.

## DARAH DAGING

Manakala takwa kapada Allah itu sudah benar2 meresap dalam hati, menjelma menjadi darah daging, maka pasti akan menchetuskan tindakan dan perbuatan yang nyata, bukan kerana megah atau ingin di-puji tetapi samata2 kerana keikhlasan yang meluap-luap di-dalam kalbu, di-sebabkan mengharapkan keredhaan Allah s.w.t.

Kalau bukan kerana ada-nya takwa kapada Allah yang tertanam dalam dada dan terhunjam kuat di-hati orang2 Islam sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w., sa-hingga sampai pada zaman kita ini, tidak mungkin Ugama Islam akan tersebar di-kalangan hampir sa-ratus ribu juta umat Islam di-dunia sekarang. Kalau bukan kerana perasaan takwa itu tidak mungkin masjid2 dapat berdiri dengan megah-nya di-mana2, dan begitu-lah seterus-nya dengan lain2 perkara mengenai ugama. Ini-lah buah dari rasa takwa itu. Kerana itu-lah Allah s.w.t., menggesa kita umat Islam supaya bertakwa kapada-Nya dengan sebenar2-nya, bukan sa-chara pura2 lain di-hati lain di-mulut, lain di-hati lain di-buat.

## PERBUALAN

Sekarang mari-lah kita merenongkan apa yang terkandong di-dalam perbualan dua orang saleh ini, ia-itu di-antara Ibrahim bin Adham dengan sa-orang sahabat karib-nya.

Berkata Ibrahim: *"Jika engkau terima daripada aku enam perkara yang hendak aku wasiatkan nanti, tidak akan menjadi apa2 pada diri mu segala perbuatan yang engkau lakukan kemudian daripada itu. Jika engkau hendak melakukan maksiat kapada Tuhan mu, maka jangan-lah engkau makan rezeki kornia-Nya."*

Di-jawab oleh kawan-nya: *"Kalau sudah semua yang ada ada-lah rezeki-Nya, maka daripada mana lagi akan aku makan, dan apa-kah ada rezeki lain daripada itu?."*

Di-sini berkata Ibrahim: *"Ada-kah patut engkau menderhaka kapada-Nya sedangkan yang engkau makan itu semua-nya ada-lah rezeki-Nya?."*

Kawan-nya berkata: *"Tentu sekali tidak."*

Ibrahim berkata lagi: *"Jika engkau hendak menderhaka kapada Tuhan mu, jangan-lah engkau tinggal di-tanah ayer-Nya."*

Di-jawab oleh kawan-nya: : *"Jikalau semua tanah rata, bukit bukau, bumi dan langit ini kepunyaan-Nya, maka di-mana pula mesti aku tinggal."*

Maka di-jawab oleh Ibrahim: *"Ada-kah patut engkau berbuat maksiat terhadap Allah sedangkan engkau tinggal di-tanah ayer-Nya?."*

Di-jawab oleh kawan-nya: *"Sudah tentu tidak."*

## MAKSIAT

Sa-lanjut-nya di-katakan oleh Ibrahim: *"Jikalau hendak berbuat maksiat terhadap Tuhan mu hendak-lah jangan sampai Ia melihat engkau."*

Maka berkata kawan-nya: *"Bagaimana pula, sedangkan Ia tetap melihat aku dan tiada sunyi bagi-Nya tempat aku."*

Ibrahim berkata pula: *"Ada-kah patut engkau melakukan maksiat kapada-Nya sedangkan Ia melihat engkau pada sa-tiap ketika dan tempat?."*

Di-jawab oleh kawan-nya: *"Tentu-lah tidak patut."*

Kemudian Ibrahim berkata lagi: *"Jika Malaikat Izrail mendatangi engkau untok menchabut nyawa engkau kelak, maka minta-lah tempoh sebentar daripada-nya untok bertaubat."*

Di-jawab oleh kawan-nya: *"Jikalau sudah nyawa yang hidup ini telah di-tentukan ajal-nya sa-bagaimana Firman Allah yang erti-nya:*

*"Apabila ajal mereka telah datang, maka tidak-lah dapat mereka minta di-lambatkan barang sa-ketika lagi dan tidak-lah pula dapat di-perchepatkan."*

## TIDAK PATUT

Maka berkata Ibrahim: *"Ada-kah patut engkau membuat maksiat kapada Tuhan yang terpulang kapada-Nya segala sa-suatu, dan yang memegang segala ketentuan dan menguasai roh2 hamba-Nya?."*

Kawan-nya menjawab: *"Tentu-lah ini tidak patut."*

Di-katakan kapada-nya lagi oleh Ibrahim: *"Jikalau nanti manakala Malaikat Zabaniah menyeret engkau menuju ka-api neraka, maka katakan-lah kapada-nya bahawa engkau tidak mahu mengikuti-nya."*

Di-sini berlinang-lah ayer mata kawan-nya itu daripada apa2 yang telah di-dengar-nya tadi sambil berkata: *"Wahai sahabat ku Ibrahim, hentikan-lah sa-takat ini sahaja, sesunggoh-nya memang-lah tiada yang lebeh baik daripada takwa dan berbuat saleh kapada Allah."*

Dari itu wahai kaum muslimin, mari-lah kita tanamkan rasa takwa kapada Allah itu dengan sebenar2-nya, mudah2an dengan demikian kita akan mendapat keselamatan dan kesejahteraan di-dunia dan di-akhirat.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Nobember, 1981 hingga kahari Selasa 1hb Disember, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini:—

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 26hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 27hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 28hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 29hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 30hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 1hb Dis | 12.15 | 3.34 | 6.12 | 7.26 | 4.41 | 4.56 | 6.14 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Tiga pokok ilmu yg di-utamakan oleh Ugama Islam

**Bingkisan minggu ini**

DALAM sa-buah hadith Rasulullah s.a.w., yang di-riwayatkan oleh Muslim yang bermaksud: "Dari Omar r.a., juga berkata; pada suatu hari sedang kami dudok di-sisi Rasulullah s.a.w., tiba2 datang-lah kapada kami sa-orang lelaki yang bersangatan puteh pakaian-nya, bersangatan hitam rambut-nya, tidak kelihatan atas diri-nya tanda-tanda orang yang sedang dalam perjalanan, dan tidak sa-orang pun daripada kami yang mengenal-nya sa-hingga ia dudok berdekatan kapada Nabi s.a.w., lalu ia menyandarkan kedua lututnya kapada dua lutut Nabi s.a.w., dan meletakkan kedua tapak tangan-nya kaatas dua peha Nabi s.a.w.

## MENGAKUI

Kemudian ia berkata: "Hai Muhammad! khabarkan-lah kapada aku darihal Islam? Maka Rasulullah s.a.w., menjawab: *"Islam itu ia-lah bahawa engkau mengakui bahawa tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawasa-nya Nabi Muhammad itu Pesuroh Allah, dan engkau mendirikan sembahyang, engkau keluarkan zakat, engkau puasa bulan Ramadhan, engkau mengerjakan Haji di-Baitullah jika engkau sanggup pergi kapada-nya."* Ia berkata: "Benar-lah engkau!" Maka kami pun terchengang kerana ia yang bertanya dan ia pula yang membenarkan-nya.

Kata-nya lagi: "Maka khabarkan-lah kapada aku darihal Iman?" Rasulullah s.a.w., menjawab: *"Iman itu ia-lah bahawa engkau beriman kapada Allah dan Malaikat-Nya, segala Kitab-Kitab-Nya, Para Rasul-Rasul-Nya, hari kemudian (Kiamat) dan engkau beriman kapada takdir baik dan jahat daripada Allah."* Ia berkata: "Benar-lah engkau." Kemudian ia bertanya lagi: "Maka sekarang khabarkan-lah kapada aku darihal Ehsan? Rasulullah s.a.w., menjawab: *"Ehsan itu ia-lah bahawa engkau menyembah Allah sa-olah2-nya engkau melihat-Nya, tetapi jika engkau tidak melihat-Nya maka sesunggoh-nya Ia (Allah) melihat engkau."*

## PERTANYAAN

Akhir-nya ia berkata, meneruskan pertanyaan-nya lagi: "Maka khabarkan-lah kapada aku darihal hari Kiamat? Rasulullah s.a.w., menjawab: *"Tidak-lah yang di-tanya lebeh tahu daripada orang yang bertanya."* "Kalau begitu," kata-nya: "Maka khabarkan-lah kapada aku dari tanda2 sahaja." Rasulullah s.a.w., menjawab: *"Tanda2-nya itu ia-lah bila hamba2 telah melahirkan tuan-nya dan engkau lihat orang2 yang tidak berkasut, tidak berpakaian, miskin, pengembala kambing berbangga — menegakkan dan meninggikan bangunan."* Kemudian ia pun pergi, lalu aku (Omar) terdiam beberapa lama. Sa-telah itu, Rasulullah s.a.w., berkata: *"Hai Omar! Ada-kah engkau tahu siapa-kah orang yang bertanya itu?* Berkata aku (Omar): "Allah dan Rasul-Nya yang lebeh tahu." Rasulullah berkata: *"Sesunggoh-nya itu-lah dia Jibril yang datang kapada kamu untok mengajarkan ugama kamu (Islam)."*

## POKOK ILMU

Jika kita perhatikan maksud cherita dalam hadith Rasulullah s.a.w., itu tadi nyata-lah bahawa pokok ilmu yang di-utamakan oleh ugama itu ia-lah tiga perkara:—

1. Ilmu Usuluddin atau ilmu tauhid. Ilmu ini membicharakan hal2 keimanan atau keperchayaan yang mengandongi rukun2 Iman yang enam.

2. Ilmu Usul Fiqah. Ilmu ini membicharakan hal2 yang berhubong dengan amal ibadat saperti yang terkandong dalam rukun Islam yang lima. Sa-lain dari itu ilmu ini juga membicharakan hal2 yang berhubong dengan kehidupan sa-hari2 saperti ilmu nikah kahwin, jual beli, sewa-menyewa, harta pusaka, makan minum yang halal dan yang haram semua-nya ada terkandong dalam ilmu ini.

3. Ilmu Ehsan atau ilmu Tasauf. Ilmu ini membicharakan hal2 kebersehan hati atau jiwa dari berperangai keji saperti hasad dengki, khianat, sombong, bermegah2 diri, lalai dari mengingat Allah dan lain2.

Dari sumber2 tersebut tadi, maka dapat-lah di-simpulkan bahawa tiap2 orang Islam wajib-lah tahu dan mempelajari ketiga2 pokok ilmu yang di-bangsakan kapada ugama itu supaya sa-tiap orang Islam itu berjalan dengan lurus di-atas landasan Islam yang sa-benar-nya. Dan akan terselamat dari ajaran2 yang menyeleweng dan sesat.

# KURSUS PENGURUSAN KERJASAMA BAGI AHLI2 SHARIKAT K-SAMA

**Oleh: Jahri Haji Abdul Latif**

PEKAN BANGAR. — Kursus Pengurusan Kerjasama bagi ahli2 dan pekerja2 sharikat kerjasama di-Daerah Temburong akan banyak memberi muna'at demi meningkatkan lagi kemajuan gerakan kerjasama di-daerah tersebut.

Demikian di-tegaskan oleh Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama dalam uchapan alu-aluan-nya sa-belum kursus tersebut di-rasmikan oleh Awang Haji Zakaria bin Jeneh, Pegawai Daerah Temburong pada 16hb. Nobember lalu.

## PENCHERAMAH

Kursus tersebut ada-lah perengkat pertama dalam siri kursus di-keempat-empat daerah dan telah berjalan dari 16hb. hingga 20hb. Nobember.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Dipertuan telah berkenan mendatangkan dua orang pensharah dari maktab Kerjasama Malaysia untok menyampaikan cheramah2 dalam kursus tersebut. Mereka ada-lah Awang Razman bin Ramli, Pensharah Perakaunan dan Pengurusan Kewangan, dan Awang Mahmud bin Mohamed, Pensharah Undang-Undang Koperasi dan Pentadbiran Koperasi.

"Ini ada-lah satu lagi bokti tentang kesunggohan Kerajaan Baginda yang tidak kendor2-nya berusaha menganjorkan atau membantu dalam sabarang projek berkebajikan yang bertujuan samata2 untok meningkatkan lagi taraf kehidupan raayat bumiputera," tegas Awang Mahmud. Pesurohjaya itu mengatakan bahawa hasil daripada perjumpaan atau perbinchangannya dengan ahli2 dan pemimpin2 sharikat kerjasama di-negeri ini beliau mendapat kesan yang konsep atau falsafah murni yang ingin di-kembangkan oleh Gerakan Kerjasama itu belum begitu kokoh difahami.

Sebab itu-lah, tegas beliau, sering di-salahertikan yang chorak perniagaan yang di-jalankan oleh sa-sebuah sharikat kerjasama itu tidak ada beza-nya dengan chorak kegiatan perniagaan yang di-jalankan oleh sektor awam atau swasta. Salah pengertian ini mesti-lah di-betulkan sa-belum keadaan-nya samakin parah, tambah beliau.

## TUJUAN UTAMA

"Ini-lah tujuan utama kursus saperti ini di-ungkayahkan ia-itu untok memberi pengertian yang sa-dalam2-nya mengenai konsep, prinsip2 dan falsafah Gerakan Kerjasama, dan peri mustahak-nya urusan sharikat kerjasama itu di-jalankan di-atas lunas undang-undang atau peratoran2 yang telah ditetapkan, dan urusniaga di-kendalikan menurut kaedah2 perniagaan sharikat kerjasama yang betul."

Sa-lepas Daerah Temburong kursus yang sarupa kini di-adakan pula di-Daerah Belait minggu ini yang akan berakhir pada 27hb. Nobember diikuti pula di-Daerah Tutong pada 30hb. Nobember hingga 4hb. Disember, dan akhir-nya di-Daerah Brunei-Muara pada 7hb. hingga 11hb. Disember.



TUAN Yang Terutama Duta Korea di-Singapura yang juga menjadi Konsul bagi Brunei, Awang Lee Sang Ock dan Penasehat Perdagangan Peranchis di-Singapura, Awang Jean-Phillipe Quercy telah mengadakan lawatan ka-Brunei pada minggu lalu.

Sa-masa berada sa-lama dua hari di-sini, kedua orang diplomat itu telah mengadakan rundingan2 dengan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Gambar atas menunjokkan (kiri) Tuan Yang Terutama Duta Korea, Awang Lee Sang Ock dan Penasehat Perdagangan Peranchis, Awang Jean-Phillipe Quercy ketika di-alu2kan oleh pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Diplomatik.

# Perjumpaan khas tiga buah persatuan dengan Pengarah DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu perjumpaan khas di-antara Persatuan Asterawani, Persatuan Pelukis2 Brunei dan Persatuan Fotografi Brunei dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani akan di-adakan pada hari Rabu 2hb. Disember 1981 akan datang di-Bilek Kuliah Dewan tersebut mulai jam 2.00 petang.

Sa-bagaimana kenyataan yang di-buat oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, bahawa antara ajenda yang akan di-chadangkan di-dalam perjumpaan itu nanti ia-lah untok membinchangkan kegiatan2 dan masaalah2 yang di-hadapi oleh ketiga2 persatuan itu sa-panjang tahun 1981. Dan merangka kegiatan2 ketiga2 persatuan itu bagi tahun 1982 dan 1983, di-samping membinchangkan hal2 yang lain yang di-fikirkan perlu.

"Usaha2 berkebajikan saperti ini hendak-lah segera di-jalankan bagi membolehkan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, yang bertanggongjawab di-bidang kebudayaan untok dapat mengambil langkah2 positif bagi menolong-bantu ketiga2 persatuan berkenaan untok dapat menjalankan kegiatan2-nya dengan lebeh lichin dan terator," demikian penjelasan yang dibuat oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Di-samping itu tambah beliau lagi, Jabatan ini juga akan dapat memberikan khidmat bakti yang diperlukan dari sa-masa kasemasa untok kepentingan bersama terutama bagi meningkatkan lagi nilai kebudayaan tanah ayer melalui ketiga2 persatuan tersebut. Dan ada-lah amat besar erti-nya kapada perkembangan dan kemajuan negara di-masa2 akan datang.

# Jalankan tugas jawatan Ketua Kg. Sg. Besar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar kini memaklomkan kapada orang ramai, terutama pendudok Kampong Sungai Besar bahawa mulai 1hb. Januari 1982, Awang Haji Ibrahim bin Puteh, Ketua Kampong Sungai Besar akan berhenti dari jawatan-nya sabagai Ketua Kampong.

Oleh kerana itu, mulai 19hb. Nobember lalu, Awang Haji Ya'akub bin Hj. Tengah, Ketua Kampong Sungai Belukut, telah di-perkenankan bagi menjalankan tugas Ketua Kampong Sungai Besar semasa Awang Haji Ibrahim bin Puteh dalam perchutian dan sa-hingga Ketua Kampong yang baru dapat di-lantek.

# Pepereksaan G.C.E. London bagi bulan Jun 1982

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persediaan2 kini sedang di-buat untok mengadakan pepereksaan Sijil Am Pelajaran London (London GCE) di-perengkat tertinggi dan biasa bagi bulan Jun 1982 akan datang.

Chalun2 yang ingin mendudoki pepereksaan perengkat biasa di-kehendaki lulus di-dalam pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sabanding dengan-nya, manakala chalon2 yang mendudoki pepereksaan perengkat tertinggi pula dimestikan lulus sekurang2-nya tiga mata pelajaran Sijil Am Pelajaran perengkat biasa. Kelulusan ini mesti-lah di-perolehi didalam satu pepereksaan dan ia-nya mesti-lah didapati sekurang2-nya dua tahun sa-belum pepereksaan yang akan di-ikuti ini.

Chalon2 juga di-kehendaki memberikan butir2 yang berkaitan dengan pelajaran mereka atau pun di-sokong oleh pengetua sekolah2 mereka atau pun oleh Penyelia2 Pelajaran Dewasa di-Maktab SOAS Bandar Seri Begawan, di-Sekolah Perdana Wazir, Kuala Belait atau dari Maktab Anthony Abell, di-Seria.

Borang2 kini boleh diperolehi daripada Pejabat Lembaga Pepereksaan di-Bandar Seri Begawan dan ia-nya mesti-lah di-isi dengan lengkap di-sertai dengan bayaran2 serta surat2 sokongan dan sijil2.

Segala borang2 mesti-lah di-hantar pada tarikh yang di-nyatakan di-dalam borang dan selewat2-nya pada 19hb. Disember depan. Dan hendak-lah dihantar kapada Pejabat Lembaga Pepereksaan dan bukan-nya kapada Universiti London. Borang2 yang di-hantar lewat dari tarikh itu tidak akan di-layan.

# Angka tunjok barang pengguna meningkat lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjok harga barang2 pengguna bagi bulan Oktober telah meningkat lagi sa-banyak 0.6 mata (0.5 peratus) jika di-bandingkan dengan bulan yang terdahulu ia-itu bulan September.

Manakala angka tunjok bulan ini juga telah meningkat tinggi ia-itu 10.4 mata (8.5 peratus) lebeh tinggi jika di-bandingkan dengan angka tunjok bulan Oktober, 1980.

Kenaikan angka tunjok bulan ini ada-lah terutama-nya di-sebabkan oleh kenaikan angka tunjok kumpolan2 yang tertentu ia-itu 'makanan (0.9 peratus), 'pakaian dan kasut dll' (0.1 peratus), 'alat2 perabut, perhiasan2 dan alat2 kelengkapan rumahtangga serta pemasangannya' (0.1 peratus) dan 'barang-barang dan perkhidmatan2 rampaian' (0.1 peratus).

Sementara itu, angka tunjok bagi kumpolan2 'sewa kasar, bahan api dan tenaga', 'pengangkutan dan perhubongan' dan 'permainan, hiboran, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan' ada-lah maseh dalam keadaan tetap tidak berubah.

Barang2 yang menyebabkan naik-nya angka tunjok bulan ini juga adalah terdiri dari berbagai jenis ikan, susu tepong, telor ayam, buah2an tempatan (betik, nenas dan limau manis), sos tomato dan chili, serbok kari, martabak, seluar dalam, machis dan lipstick.

Di-samping itu, angka tunjok harga sayor2an pada keselurohan-nya telah turun sa-banyak 0.2 peratus.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 25hb. hingga 30hb. Nob.

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 25.11.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 25.11.1981 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 25.11.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Awang Haji Mohd. Yussof, Kati Mahar | 28.11.1981 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 28.11.1981 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 28.11.1981 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 28.11.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 28.11.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 28.11.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Di-hadapan Rumah Penghulu Mukim, Kampong Serasa | 29.11.1981 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 29.11.1981 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berbadapan Kedai, Pekan Muara | 29.11.1981 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 30.11.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 30.11.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 |

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 25HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 GODZILLA : The Cyborg Whale
5.30 NATURE OF THINGS : Wild Africa Bahagian 2.
6.00 BERITA AWAL
6.05 FALCON ISLAND
6.09 AZAN MAGHRIB
6.13 FALCON ISLAND — sambongan
6.35 SAYANG ADEK KU SAYANG

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOBO : "Another Day, Another Bomb" Lobo menyiasat letupan bom di-tempat2 yang tidak di-duga.
7.24 AZAN ISHA
7.28 LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 GIVE US A CLUE
9.30 HAWAII FIVE O : "Deadly Doubles"
Steve McGarrett menghadapi masaalah sa-orang pemain tennis yang hendak berpaling tadah ka-Amerika dan juga pembunohan ka-atas sa-orang ahli rombongan dari Eropah Timor masing2 ketika sedang berada di-Hawaii.
10.20 TAYANGAN GAMBAR : "Cry For Happy"
Kesah dua orang pegawai tentera laut Amerika walau pun pada mula-nya "membohongi" pehak tertentu tetapi akhir-nya mendapat sokongan pula kerana tujuan baik menyebabkan mereka berbohong.
11.50 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 26HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 DRAK PACK
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 DRAK PACK — sambongan
6.30 EVOLUTION "Adaption in the Desert"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 BUCK ROGERS IN THE 25TH CENTURY — "Black's Duel to the Death"
7.25 AZAN ISHA
7.29 BUCK ROBERS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KA-BRUNEI
8.50 HIDAYAT
9.10 DUNIA MINGGU INI
9.50 TO THE MANOR BORN — Episod terakhir
10.15 WALKING TALL — "Company Town"
Sheriff Buford Pusser menyiasat kehilangan sa-orang pekerja sa-buah sharikat perlombongan yang di-anggap bersikap mengkongkong kebebasan keselurohan bandar.
10.60 TRAPPER JOHN : "A Case of The Crazies"
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 27HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL : The Ghost Army
5.30 THE LONE RANGER : The Greatest Land Rush
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 YOU ASKED FOR IT — sambongan
6.30 MAGIC PALACE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HANGING BY A THREAD
7.25 AZAN ISHA
7.29 HANGING BY A THREAD — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 SERIKANDI
9.00 BENSON : "Fool's Gold"
9.30 GUSTI
10.15 THE SWEENEY : "One of Your Own".
11.00 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 28HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 NEW POPEYE SHOW
6.10 AZAN MAGHRIB



WATAK2 yang akan dapat awda saksikan dalam siri LOBO. Siri pada malam ini membawakan cherita bertajok "Another Day Another Bomb."



SIDNEY Poitier (kiri) menghadapi bakal2 bapa dan ibu mertua-nya dalam cherita "GUESS WHO'S COMING TO DINNER" — tayangan gambar Selasa depan.

6.14 NEW POPEYE SHOW — sambongan
6.3k BEWITCHED — "So Help Me, Sam"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 QUINCY : Scream To The Skies
7.25 AZAN ISHA
7.29 QUINCY — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 CHERAMAH HIJRAH
8.40 MAJALLAH BRUNEI
9.00 MARI MEMASAK
9.30 TAYANGAN FILEM INDONESIA: Duo Karibon
11.15 BIG VALLEY : Lightfoot
12.00 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 29HB. NOB.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.14 SUSUNAN RANCHANGAN
2.17 IT'S NOW
3.05 SHANE : "The Hart"— (Episod terakhir)
4.00 HARPER VALLEY :
4.30 KAP KAP UDANG
4.50 BAGPUSS
5.05 SHAZAM
5.25 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 FLASH GORDAN
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 FLASH GORDAN — sambongan
6.30 CHILDREN'S SHORT STORIES — "Friend or Foe" (Episod terakhir)

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 ENOS : I'm Forever Blowing Bubbles
7.25 AZAN ISHA
7.29 ENOS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HOW TO DRIVE
8.45 ONLY WHEN I LAUGH
9.15 GELOMBANG MASA (SBC)
9.45 EAST OF EDEN
10.35 ARMCHAIR THRILLER : "Dying Day" Bahagian 2
11.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 30HB. NOB.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME — (ulangan)
5.15 NEW MIGHTY MOUSE
5.35 ANIMALS IN ACTION : Camouflage
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN : Jungle Dragnet
6.10 AZAN MAGHRIB
6.14 TARZAN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART : "Murder Wrap"
7.25 AZAN ISHA
7.29 HART TO HART — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE LAST OUTLAW : Siri baru yang di-padankan dari kesah Nek Kelly, sa-orang penyamun yang menjadi legenda di-Australia.
9.40 SURVIVAL : The Seas Must Live
Memaparkan serba sedikit mengenai laut dan lautan dunia yang mempunyai kekangan yang maseh belum di-duga dan krisis2 yang menganchamnya.
10.20 KNOTS LANDING : Chance of A Lifetime
11.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 1HB. DIS.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE'S BOOMER : Looking Good
5.30 LITTLE BLUE
5.45 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO (Episod terakhir)
6.00 BERITA AWAL
6.05 FAMILY HOUR FESTIVAL : "The Bridge of Adam Rush"
Kesah sa-orang kanak2 lelaki berumor 12 tahun untok menyesuaikan kehidupan-nya dengan ayah angkat-nya yang baru.
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 FAMILY HOUR FESTIVAL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO : Fireman
7.26 AZAN ISHA
7.30 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR : "Guess Who's Coming To Dinner"
Cherita berkisar mengenai perchintaan di-antara sa-orang pemudi berkulit puteh dengan sa-orang pemuda kulit hitam. Mereka menghadapi tentangan kedua2 orang tua mereka yang akhirnya merestui kemahuan mereka.
Pelakun2 : Spencer Tracy, Katherine Hepburn, Sidney Poitier, Katherine Houghton dll.
10.30 BOGNOR
11.05 SIARAN TAMAT.

# *MULA2 MALU KEMUDIAN 'ENJOY' PULA*

INI ada-lah satu 'true story' atau kisah nyata. Kisah-nya berkisar dalam sa-buah bilek berhawa dingin. Lantai-nya 'wall to wall carpet' berentang permaidani dari dinding ka-dinding. Tabir-nya ada kelas dari kain super kualiti. Lampung di-dalam-nya agak malas bersinar. Daya-nya chuma sanggup mengeluarkan sinar redup sahaja menjadikan bilek itu sa-chara otomatis berwajah romantis. Menteri pernah masok ka-bilek itu. Bintang2 filem pernah masok ka-bilek itu. Itu Anita Sarawak yang baru kahwin dengan Broery pun pernah saya lihat masok ka-bilek itu ditemani oleh sa-orang Juruhebah Radio Brunei. Dan saya lihat dengan mata kepala sendiri pegawai2 Ugama pun sering masok ka-bilek yang saya katakan itu.

Sekurang2-nya dua atau tiga kali sa-minggu orang di-sebelah bilek akan dapat mendengar bunyi suara orang berchinta di-bilek itu. Mereka merayu. Bersumpah sa-hidup semati. Bermanja2 bunyi-nya, di-dalam bilek itu. Itu-lah bilek Studio Radio Brunei yang sekurang2-nya dua atau tiga kali sa-minggu merakamkan ranchangan sandiwara radio.

Dan orang malar bertanya, apa-kah perasaan para pelakun yang memainkan peranan berchinta2 itu, tidak-kah mereka merasa malu? Ya, kalau saya mati saya barangkali menahan malu. Memang tak akan keluar suara saya menguchapkan 'I love you.'

Bila soalan ini saya kemukakan kapada sa-orang pelakun wanita drama radio jawapan-nya ia-lah:

"Mula2 malu . . . kemudian 'enjoy'. Kalau lama tak berlakun tu ketagih pulak."

"Tak ada rasa segan2 atau silu2 berlakun tu?"

"Kalau malu2 tak berjaya-lah sandiwara tu. Orang mendengar-nya pun tak tertarek, tak ada 'kick', macham sandiwara tikam-tikaman saja."

"Ya tak ya juga. Tapi kalau betul2 macham 'real' bunyi-nya berlakun tu, bagaimana pula perasaan orang di-rumah?"

"Orang lain saya tak tahu-lah. Tapi Che' Abang saya di-rumah tu 'understanding' orang-nya."

"Barangkali dia peminat ranchangan sandiwara radio tak?"

"Sebenar-nya dia penchinta seni."

Bila saya kemukakan pertanyaan yang serupa kapada sa-orang pelakun drama radio lelaki, jawapnya antara lain ia-lah:

"Kadang2 bila di-rumah, isteri saya selalu perli saya."

"Chuma perli, tapi tak marah kan?"

"Marah dalam hati, marah2 geram."

"Apa erti-nya marah atau bayangan chemburu isteri itu pada saudara, sabagai sa-orang pelakun drama."

"Erti-nya saya telah berjaya memainkan peranan dalam drama itu, kerana ternyata lakunan saya memberi kesan di-hati orang."

Dan bilek Studio Radio Brunei itu maseh terus di-masoki para artis, seniman seniwati, biduan biduwanita, para pemimpin dan alim 'ulama. Kerana di-situ-lah kemudahan disediakan oleh kerajaan untok menyampaikan sasuatu 'message' kapada orang ramai, sama ada yang berbentok cheramah, ugama atau drama.

**intisari**

**RTB**

**minggu ini**

## MUALLAF — Sandiwara minggu ini

SANDIWARA Radio minggu ini bertajok MUALLAF karya A. Mohammad Timbang, Brunei.

Cherita ini akan chuba menyentoh liku2 perjalanan hidup suami-isteri, Asrina dan Bakar. Asrina ada-lah sa-orang muallaf yang rajin belajar dalam hal-ehwal keugamaan, hinggakan Asrina sendiri sanggup menjemput Ustazah Katijah untok mempelajari ilmu keugamaan.

Lain pula dengan suami-nya Bakar, yang mana Bakar kurang menumpukan perhatian-nya dalam ilmu keugamaan ini, meski pun Bakar sendiri merupakan sa-orang Islam turunan.

Apa2 pun perkara keugamaan yang di-tanyakan oleh Asrina kapada Bakar suami-nya, Bakar kurang memberi jawapan kapada Asrina, di-mana Bakar sendiri juga tidak mengetahui hal2 keugamaan yang di-tanyakan oleh Asrina itu.

Atas kegigihan Asrina menuntut ilmu ugama itu melalui bimbingan Ustazah Katijah, Asrina sudah kian mendalami ilmu ugama. Dari pendidekan keugamaan-nya ini-lah Asrina dapat memerangsang suami-nya Bakar untok sama2 menuntut dan mempelajari ilmu ugama. Berkebetulan juga Bakar telah pun banyak mendengar nasehat2 dari kawan-nya Kamis mengenai ugama ini. Apa-tah lagi ibu Bakar sendiri ia-itu Zubaidah.

Dengan pelbagai nasehat itu, Bakar terfikir bagi dirinya selaku ketua dalam keluarga lalu mengambil keputusan untok memperbaiki keadaan hidup-nya, lebeh2 lagi dalam soal2 keugamaan.

Apa-kah kesudahan cherita ini. Berjaya-kah Bakar menuntut ilmu keugamaan, apakah yang di-perolehi-nya? Untok lebeh lanjut akan perjalanan cherita ini, kami persilakan awda pendengar dan peminat ranchangan ini mengikuti siaran-nya yang akan di-siarkan pada hari Ahad 29hb Nobember, 1981 jam 12.00 tengahari.

Sandiwara MUALLAF minggu ini akan di-terbitkan oleh Zainab Haji Mohd Taha.



**PASANGAN suami isteri yang ideal mempunyai bakat yang sama dalam arena seni suara, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Ismail dan Dayang Hamidah bte Haji Awang Damit. Kedua suami isteri ini mengisikan ranchangan SELOKA MERPATI terbitan Dayang Jauyah Haji Jaya yang telah di-siarkan pada hari Ahad, 22hb Nobember, 1981 dan ulangan-nya pada hari ini jam 1.30 petang.**

**Dalam pertandingan MUTIKA anjoran RTB, kedua penyanyi ini telah terpileh mendapat naib-johan dalam paduan suara. Anak sulong mereka, Dk Rafidah yang sering menyertai Bintang Kechil Radio telah mengikut jejak langkah mereka.**

**Dalam ranchangan itu mereka bawakan lima buah lagu, ia-itu Malam Ku Bermimpi, Hanchor Badan Di-Kandong Tanah, Gelora, Saat Yang Berbahagia dan Joget Paduan Hati.**



**"IDRIS, you pretend to be the pelandok and come in when I've read that bit, ok? Asha, you hold on till I give you a hand sign . . . all set? Lets begin . . . . . ."**

**That's aunty Nicky (centre) directing children's half-hour. Picture shows the team putting bits and pieces together for a special slot for a children's programme broadcast every Friday from 11.30-12.00 noon on Radio Brunei.**



## SERIKANDI MINGGU INI

KAPADA peminat2 ranchangan Se[rikandi], kandongan untok minggu ini [ia-]lah mengenai dengan hobby memeli[hara] ikan mas, di-ikuti dengan satu tun[jok] chara membuat Butter Sculpture o[leh] Awang Robani Nawin, dan satu petek[an] filem mengenai adat kahwin orang2 M[u]rut di-Kampong Selapon, Tembur[ong] (saperti kelihatan dalam gambar).

# PENYAMPAIAN HADIAH PESERTA2 TERBAIK PROJEK PERTANIAN

KILANAS. — Satu majlis penyampaian hadiah2 kapada peserta2 terbaik dalam projek2 buah2an, tanaman rumput, kelapa dan kebun kumpolan wanita di-Daerah Brunei-Muara telah di-adakan baru2 ini di-Bilek Persidangan Pusat Penyelidekan, Steshen Pertanian di-sini.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah Pertanian Brunei, Dato Hamid bin Ja'afar. Majlis tersebut merupakan sa-bahagian dari achara temasha Pertunjokan Pertanian Daerah Brunei-Muara yang telah berlangsong di-Steshen Pertanian Kilanas dalam bulan Ogos yang lepas.

Dalam uchapan alu2an-nya kapada para hadhirin, yang termasok pegawai2 kanan Jabatan Pertanian, Awang Bakri bin Haji Momin, selaku Pengerusi Pertunjokan Pertanian Daerah Brunei-Muara bagi tahun 1981, antara lain telah memuji usaha2 yang telah di-tunjokkan oleh para pemenang pada hari itu, dan mengharapkan supaya mereka akan terus meningkatkan lagi usaha2 tersebut di-masa2 akan datang.

## BAIKI USAHA

Beliau juga menyeru kapada peserta2 projek yang tidak memenangi hadiah supaya akan memperbaiki lagi usaha2 mereka.

Dalam bahagian projek Kebun Sayor, telah di-menangi oleh Kumpolan Wanita Kampong Rimba dan menerima hadiah injin pam ayer dari Hock Hing Auto Company, sementara bagi projek Tanaman Rumput telah di-menangi oleh Haji Gantang bin Ismail dari Kampong Bengkurong yang juga menerima hadiah berupa injin pam ayer dari Econ Motors.

## PEMENANG

Sementara itu, Projek Tanaman Kelapa telah di-menangi oleh Awang Besar bin Piut dari Kampong Junjongan dengan menerima hadiah Radio/Cassette Transistor dari Tractor Malaysia Sendirian Berhad, dan bagi projek Tanaman Durian, ia-nya di-menangi oleh Awang Haji Karim bin Akim dari Kampong Tanah Jambu dengan menerima hadiah injin rumput bersikut dari Hwan Seng Trading Company.

Pegawai yang berkhidmat di-mukim di-mana para peladang paling banyak menerima hadiah2 pertunjokan juga di-beri hadiah yang berupa piala. Mereka ia-lah Pembantu Pertanian Rendah, Awang Mohammad bin Sabtu dan Pemereksa Ternakan, Awang Jaludin bin Kula.



PENGARAH Pertanian, Dato Hamid bin Jaafar menyampaikan hadiah kapada pemenang projek tanaman durian, Awg Haji Karim bin Akim.

# Penunda Jumbo yang baru

BERAKAS. — Penunda jumbo yang baru, Douglas DC12/4 Mark 2 Aircraft Towing Master, kini boleh di-gunakan di-Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, jika ia-nya di-perlukan untok pemindahan lain2 jenis kapal-terbang2 yang besar saperti B747, Tristar dan Airbus.

Kenderaan tersebut yang berukoran 22 kaki panjang, 10 kaki lebar dan 6 kaki tinggi, serta mempunyai berat yang berjumlah 179 tan akan boleh menarek sa-banyak 170 tan.



GAMBAR atas ia-lah Ketua2 Kampong Mukim Bukit Sawat yang di-chalunkan untok menjadi Penghulu mukim tersebut. Pengenalan gambar (dari kanan) Awang Haji Harun bin Khatib Abdul Razak, Awg Haji Zulkifli bin Abdullah, Awg Aminuddin bin Abdullah, Awg Lampoh bin Selamat dan Awg Bua bin Sambang.

Penchalunan tersebut telah di-adakan di-Balai Raya Kampong Bukit Sawat pada 15hb Nobember yang lalu.

# Rekrut Pulis lawat SMSB

SERIA. — Sa-rombongan 40 orang rekrut pulis wanita dari Pusat Latehan Pulis Jalan Muara telah melakukan lawatan ka-Sharikat Minyak Shell Brunei di-sini pada hari Rabu lepas.

Sa-belum di-bawa meninjau di-beberapa bahagian sharikat itu, rombongan tersebut terdahulu-nya telah di-berikan taklimat mengenai sharikat berkenaan.

Kemudian-nya rombongan itu telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian sharikat tersebut dengan di-temani oleh Pegawai Kanan Sharikat Minyak Shell Brunei, Awang Ahmad bin Haji Shari.

# Perkhidmatan feri di-tutop

KUALA BELAIT. — Perkhidmatan feri Kuala Belait akan di-tutop sa-lama tiga hari mulai 1hb. dan 3hb. Disember depan. Perkhidmatan feri di-tutop dari jam 5.00 pagi hingga 2.00 petang pada hari2 tersebut.

Penutopan ini di-lakukan ada-lah bertujuan bagi membolehkan kerja2 pembaikan di-jalankan di-tebing barat kawasan tersebut dan juga tempat bagi penaikan feri berkenaan.

# 94 orang ikuti kursus chegah kebakaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 94 orang yang terdiri dari pendudok2 Mukim Saba di-Kampong Ayer telah menyertai kursus menchegah kebakaran yang di-anjorkan dan di-kendalikan oleh Jabatan Bomba sejak bulan lalu.

Kampong2 yang terlibat menyertai kursus sa-umpama itu ia-lah Kampong2 Saba Darat A dan B, Saba Tengah, Saba Ujong dan Saba Laut.

Pemangku Pegawai Kanan Pasokan Bomba, Awang Haji Mohd. Hussin bin Haji Hassan ketika di-hubongi baru2 ini menjelaskan bahawa tujuan di-adakan kursus sa-demikian ia-lah semata-mata untok melateh anak2 kampong dalam menggunakan alat2 melawan kebakaran sa-bagai salah satu langkah pertama untok memadamkan sa-suatu kebakaran sa-belum tiba-nya pasokan Bomba.

Di-samping itu, tambah-nya ia-nya juga bertujuan pada memperlihatkan dengan lebeh dekat lagi akan tugas2 dan tanggong-jawab semasa kebakaran dan memberi kesedaran (fire conscious) betapa bahaya-nya menghadapi satu2 kebakaran.

Dengan ada-nya kursus sa-umpama ini, jelas-nya lagi, akan dapat membantu Pasokan Bomba dengan chara yang betul dan sistematik dalam memadam sa-suatu kebakaran yang berlaku.

"Saya berharap kapada anak2 kampong yang telah menyertai kursus ini supaya akan dapat mengajar dan menunjok ajar kapada anak2 kampong yang lain tentang segala apa2 yang mereka perolehi menerusi kursus ini," tambah-nya dengan penoh harapan.

Menyentoh mengenai kursus itu, Awang Haji Mohd. Hussin sa-terus-nya berkata, tiap2 kampong yang mengikuti kursus ini terpaksa menghadapi tiga ujian ia-itu pertama mereka terlebeh dahulu mendengar penerangan mengenai dengan kebakaran oleh Pegawai Penchegah Kebakaran, kedua mereka di-ajar chara2 menggunakan alat2 pemadam api dan ketiga mereka di-tunjok ajar sa-chara 'life practical work' ia-itu bertempat di-Ibu Pejabat Balai Bomba.

Ada-lah di-fahamkan bahawa sa-lepas Pendudok2 Mukim Saba ini, Jabatan Bomba pula akan berchadang untok memberikan kursus yang sama kapada pendudok2 Mukim Peramu. — J.I.





GAMBAR2 ini menunjokkan ketika kursus tersebut sedang di-jalankan.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang berikut di-bawah ini bermula dari minggu 19hb Nobember 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. LADA KERING — $2.50 sa-kati di-beli dari kedai berikut: —
   Ming Thai Company
   No. 32, Jalan Sultan.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Chin Seng
   No. 107, Bangunan Guru2.
3. UBI KENTANG — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Ming Thai Company
   No. 32, Jalan Sultan.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Hock Huat
   No. 62, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. LADA KERING — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a) Chop How Min,
   No. B, Chinese Chamber of Commerce,
   b) Ng Ming Hong
   No. 101, Jalan Mckerron.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Yick Yuen
   No. 3, Jalan Pretty.
   b) Yun Seng Trading
   No. 84, Jalan Bunga Raya.
   c) Chop Kim Ming
   Bangunan Foo Chow.
3. UBI KENTANG—$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chion Kee
   No. 1A, Jalan Pretty.
   b) Foh Soon
   No. 60A, Jalan Pretty.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Choo Seng
   No. 20, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. LADA KERING — $3.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut: —
   Chop Thiam Heng
   No. 42, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KACHANG TANAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Poh Shing
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Choo Heng and Company
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Yuan Ho Hing
   No. 49, Jalan Bunga Kuning.
3. UBI KENTANG—$1.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a) Chung Fatt
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Yick Fatt
   Lot No. 2660,
   Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Siong Yick
   No. 54, Jalan Bunga Kuning.
4. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai2 berikut: —
   a) Choo Heng and Company
   No. 30, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Thiam Heng
   No. 42, Jalan Sultan Omar Ali.

## MAJLIS TAKLIMAT

LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM

# MAKLUMAT YG DI-BERI BUKAN UNTOK MENGELIRUKAN ORANG RAMAI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ketua Pegawai Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman menekankan bahawa Bahagian Penerangan dalam memberikan penerangan2, kenyataan dan maklumat2 kapada orang ramai tidak-lah sekali2 bertujuan untok mengelirukan terutama sekali perkara yang berhubong dengan status perhubongan di-antara Brunei dengan Great Britian.

Kekeliruan2 sa-umpama ini kata-nya, mungkin berpuncha daripada kenyataan2 yang di-dengar yang tidak berdasarkan dan berasaskan kapada fakta2 sejarah negeri ini berhubong dengan perjanjian berkenaan.

Beruchap ketika memberikan taklimat kapada pendudok2 Mukim Seria yang menyertai taklimat anjoran Bahagian Penerangan di-sini pada hari Sabtu 21hb. Nobember lepas, Ketua Pegawai Penerangan itu seterus-nya menekankan kapada fakta sejarahlah, negeri kita Brunei Darussalam ini tidak pernah di-jajah oleh Great Britian.

### NAONGAN

"Tetapi kedudokan negeri kita Brunei sebenarnya hanya-lah sa-buah negara naongan British (British Protectorate Territory) dan bukan-nya tanah jajahan saperti yang di-sangkakan oleh sa-tengah2 orang ramai di-negeri ini," ujar beliau.

Yang nyata-nya sekarang, jelas Awang Haji Badaruddin itu lagi ia-lah sa-lama mana kita merasakan negeri kita ini tanah jajahan dan meletakkan diri kita sa-bagai anak jajahan siapa-kah yang akan beruntong daripada-nya.

"Sebab itu-lah saya terutama sekali tidak bersedia memberi keuntongan kapada sa-barang pehak yang sememang-nya bersedia untok mengambil kesempatan dari keperchayaan umom yang bertentangan dengan fakta2 sa-benar mengenai kedudokan serta taraf atau status negeri kita sa-panjang perhubongan-nya dengan Great Britian," kata Ketua Pegawai Penerangan itu lagi.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Awang Haji Badaruddin menjelaskan bahawa kita yang tinggal di-Negeri Brunei Darussalam ini ada-lah berbeza dari orang2 lain di-luar2 negeri yang mana perbezaan itu, tambah beliau memang sewajar-nya di-sebabkan berlainan latar belakang sosio-politik dan ekonomi-nya.

Dalam pada itu jika terdapat juga sedikit persamaan maka hal itu tidaklah semesti-nya menjadikan kita mengasaskan satiap buah fikiran dan pandangan terhadap hal ehwal negeri kita pada asas2 di-mana orang lain kebetulan sama dengan kita.

Dalam erti kata yang lain, tegas Ketua Pegawai Penerangan itu lagi, kita penting sekali mengetahui dengan sa-jelas2-nya kedudokan hal ehwal negeri dan kerajaan kita termasok-lah diri kita sa-bagai raayat dan pendudok di-dalam-nya.

Dengan pengetahuan sa-umpama itu-lah kita akan lebeh mudah membuat pendekatan2 kapada fahaman 'berkerajaan dan bernegara' sa-chara yang kita alami ini sa-takat ini.

"Dari sana kita yakin masing-masing orang akan dapat 'menampak' dan melihat betapa ia sepatut-nya tidak berasa dukachita dan walang jika negeri-nya tidak saperti negeri orang, dan sebalek-nya dia berasa bangga mengetahui sekali pun negeri-nya ini berbeza dari negeri orang namun dia sa-bagai raayat benar2 hidup bahagia, aman dan selamat serta terhormat," kata Ketua Pegawai Penerangan itu seterus-nya.

Untok itu, Awang Haji Badaruddin mengharapkan supaya taklimat sa-umpama ini akan di-pergunakan dengan sebaik2-nya pada mengukohkan lagi hubongan dua hala antara kerajaan dan raayat yang sa-memang-nya menjadi hasrat Kerajaan Kebawah DYMM melalui Bahagian Penerangan.



BERGAMBAR ramai di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan.

## Kerajaan perolehi saham 50 peratus dlm SMSB

BANDAR SERI BEGAWAN.— Penasehat Perhubongan dan Perdagangan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Barry Ross menjelaskan bahawa Kerajaan Brunei telah memperolehi saham sa-jumlah 50 peratus dalam sharikat berkenaan.

Sementara itu, kata-nya, sa-lebeh-nya yang juga sa-banyak 50 peratus ada-lah di-punyai oleh Sharikat2 Minyak Shell Sa-Dunia.

### WAKIL KERAJAAN

Menjelaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Seria yang menyertai taklimat Penerangan di-sini baru2 ini, Awang Barry seterus-nya berkata bahawa Kerajaan Brunei juga di-wikili oleh empat orang Pegawai Kanan Kerajaan yang di-lantek sa-bagai Lembaga Pengarah sharikat tersebut manakala empat orang yang lain-nya terdiri dari Pegawai2 Tinggi Shell sendiri.

Wakil2 kerajaan Brunei itu, jelas beliau, ia-lah Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Amat Mulia Peguam Negara, Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas dan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee.

Berhubong dalam menyediakan pekerja2 mahir di-sharikat itu, Awang Barry berkata, bahawa pehak SMSB ada mempunyai satu sistem, di-mana pekerja2 yang baru berkhidmat akan di-hantar untok mengikuti latehan sa-lama dua tahun di-Pusat Latehan Sharikat Shell di-Seria untok mendidek dan memberikan ilmu pengetahuan kapada pekerja2 terutama dalam bidang teknikal.

### KEBOLEHAN

Mengenai dengan kenaikan pangkat di-sharikat itu pula, beliau seterus-nya berkata, bahawa kenaikan ka-satu2 jawatan tidak-lah sa-chara automatik bahkan ada-lah berpandukan kapada kebolehan, 'skill' dan kemahiran sa-seorang yang di-lihat dan di-semak melalui Laporan Tahunan Pekerja.

Mengulas tentang pekerja2 yang terdiri dari orang2 Melayu yang pada ketika ini tidak mendapat tempat di-sharikat berkenaan, Awang Barry Ross berkata bahawa keadaan sa-umpama itu akan sentiasa di-ambil perhatian dan akan di-teliti sedalam2-nya.

### PELUANG

"Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan mengambil perhatian yang sewajar-nya untok memberikan peluang2 pekerjaan baik di-perengkat tinggi mahu pun perengkat rendah kapada anak2 tempatan khas-nya orang2 Melayu di-negeri ini untok mendapatkan tempat2 yang sa-mesti-nya di-penohi dan di-punyai oleh orang2 Melayu di-sharikat berkenaan supaya sebanding dengan orang2 asing," jelas-nya lagi.

Di-samping itu, tambah-nya, pehak Sharikat Shell juga akan sentiasa berusaha pada melateh, mendidek, dan memberikan ilmu pengetahuan yang sa-chukop2-nya kapada orang2 Melayu pada menjadikan diri mereka sa-bagai pekerja2 yang mempunyai kebolehan dan kemahiran di-berbagai-bagai bidang jurusan teknoloji.

Awang Barry Ross juga bersimpati tentang ada-nya pekerja2 Melayu yang mempunyai pengalaman luas tidak di-berikan kesempatan untok memegang jawatan2 tinggi di-sharikat itu.

Untok menseimbangkan keadaan ini, beliau juga memberikan jaminan di-mana hal2 ini akan di-hadapkan kapada Pengarah Urusan Sharikat untok di-ambil perhatian.



AWANG Barry Ross (tengah) ketika memberikan taklimat kapada peserta2 dari Mukim Seria.

## Bayaran chukai tanah perlu di-jelaskan pada tiap2 tahun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pegawai Tanah Kanan, Kuala Belait, Awang Dani bin Haji Ibrahim berkata bahawa bayaran chukai tanah tahunan di-negeri ini ada-lah merupakan chukai yang termurah sekali jika di-bandingkan dengan negeri2 lain dan dengan nilai2 tanah itu sendiri.

Kata-nya, chukai tanah pertanian dengan tidak permukaan jalan-nya ia-lah sa-banyak $1.00 bagi tiap2 sa-ekar dan $2.00 bagi tanah2 pertanian yang ada permukaan jalan-raya. Sementara bagi tanah2 untok perusahaan, perniagaan dan perumahan chukai tahunan-nya ia-lah sa-banyak $25.00 bagi sa-suku ekar.

Menegaskan demikian ketika memberikan taklimat di-majlis taklimat anjoran Bahagian Penerangan yang telah di-sertai oleh sa-ramai 30 orang pendudok Mukim Seria di-sini baru2 ini, Awang Dani seterus-nya berkata bahawa bayaran chukai tanah tahunan ini hendak-lah di-bayar pada tiap2 awal tahun di-Pejabat Tanah daerah masing2.

Akan tetapi, kata-nya apa yang menjadi masa-alah pada ketika ini, ia-lah tentang ada-nya sa-tengah2 kelalaian tuan2 punya tanah menjelaskan chukai2 tanah mereka sa-hingga ada di-antara mereka tidak langsong membayar chukai bertahun2 lama-nya yang mana chukai tanah ini ada-lah merupakan salah satu puncha pendapatan negara.

"Sudah tentu pendapatan sa-umapama ini memberikan sumbangan kapada hasil negara dan per-

Lihat muka 11

**MAJLIS TAKLIMAT** LIPUTAN: JAAFAR IBRAHIM



TIMBALAN Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman (kanan sekali) ketika memberikan taklimat.

# MENYEDIAKAN RANCHANGAN P'PINDAHAN MEMAKAN MASA YANG PANJANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengarah Perpindahan, Awang Haji Othman bin Haji Yaakob menegaskan bahawa Kerajaan dalam mengujudkan Ranchangan Perpindahan Perumahan Negara tidak mempunyai apa2 masaalah dalam melaksanakan-nya.

Tetapi, kata-nya, apa yang harus kita sedari ia-lah bahawa pada mengujudkan-nya terpaksa memakan masa yang begitu panjang kerana perlaksanaan sa-buah ranchangan itu mengikut saloran2 yang tertentu.

## DI-TELITI

Awang Haji Othman telah menegaskan demikian ketika memberikan taklimat kapada 30 orang pendudok2 Mukim Seria yang telah menyertai siri taklimat anjoran Bahagian Penerangan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-sini pada hari Sabtu yang lepas.

"Pada mengujudkan sa-suatu ranchangan yang sempurna ia-nya terlebeh dahulu di-teliti sedalam2-nya. Apa-kah tujuan dan matalamat ranchangan yang di-chadangkan dan apa-kah masaalah yang patut di-atasi? Apa-kah jenis2 perkhidmatan dan kemudahan yang patut di-sediakan? Apa-kah sharat-sharat dan peratoran2 yang patut di-kenakan? Apa-kah chara sistem pemilehan untok menempatkan pemohon2 di-sebuah kawasan perpindahan? Apa-kah yang patut di-fikirkan untok memberi jalan pada menyelesaikan masaalah2 yang timbul sa-telah pemohon2 sudah pindah? Apa-kah chara perlaksanaan-nya dan soalan2 yang patut di-kemukakan pada mengujudkan ranchangan ini sa-lain daripada mengatasi masaalah teknikal," ujar-nya.

Semua persoalan sa-umpama ini-lah, tambah Awang Haji Othman, yang kerajaan terpaksa kaji dan teliti demi untok mengujudkan ranchangan perpindahan perumahan yang benar2 dapat memberikan munafaat kapada raayat dan pendudok2 di-negeri ini.

Kerana, tegas-nya lagi, ranchangan sa-demikian itu bukan sahaja melibatkan perbelanjaan yang besar malahan yang penting di-ingat ia-lah ia-nya sedikit sa-banyak akan dapat mengubah chara hidup pendudok di-negeri ini di-samping aspek2 yang lain2-nya juga.

Walau bagaimana pun, menurut Awang Haji Othman, kerajaan dalam tahun 1979 telah meluluskan beberapa tapak kawasan perumahan di-seluroh negeri di-mana kata-nya, pehak kerajaan telah menetapkan supaya Kawasan Lambak Kanan di-jadikan sa-bagai 'pilot scheme'.

## KEPUTUSAN

Dan pehak berkenaan juga telah mengambil keputusan supaya Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara di-Kampong Pandan, Kuala Belait; di-Kampong Rimba, Gadong; di-Kampong Bukit Beruang, Tutong dan di-Kampong Ratie, Temburong akan seterus-nya di-usahakan sementara kawasan2 lain sedang dalam pertimbangan pehak2 yang berkenaan," kata Timbalan Pengarah Perpindahan itu sa-lanjut-nya.

Menyentoh mengenai dengan Ranchangan Perpindahan di-Kuala Belait, Awang Haji Othman sa-terus-nya menjelaskan, bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah meluluskan tiga kawasan untok di-jadikan kawasan perpindahan bagi pendudok2 di-daerah berkenaan.

## PENYELIDEKAN

Kawasan2 yang terlibat itu, tambah-nya ada-lah Kampong Pandan sa-luas 710 ekar yang akan dapat menampong 1,530 plot; Kawasan KA 22 dan KA 23, Jalan Tengah, Seria sa-luas 890 ekar yang di-jangka akan dapat menampong 1,650 plot dan di-Kampong Sungai Liang sa-luas 700 ekar yang di-jangka boleh menampong 1,300 plot.

Ketiga2 kawasan ini, kata-nya, telah pun di-luluskan oleh kerajaan pada awal tahun 1979 di-mana ia-nya di-jangka boleh menempatkan lebeh daripada permohonan2 yang di-jangka sa-patut-nya di-terima dalam perengkat ini.

Terdahulu dalam taklimat-nya, Awang Haji Othman menjelaskan bahawa Ranchangan Perpindahan/Perumahan Negara yang baru ini ada-lah hasil daripada penyelidekan Pejabat Perpindahan dalam tahun 1976 yang mana tambah-nya penyelidekan itu telah menunjokkan bahawa lebeh daripada 1/3 daripada pendudok2 di-negeri ini telah ikut serta.

# Sharat2 khas tanah hendak-lah di-patohi

Dari muka 10

kembangan dan jika kita tidak mahu bekerjasama dengan kerajaan dalam perkara macham ini maka agak sukar-lah bagi kita akan berkembang maju," ujar-nya.

Kelalaian tuan2 tanah menjelaskan chukai sa-umpama itu, kata beliau seterus-nya, ada-lah juga merupakan satu faktor yang melambatkan urusan mereka sendiri sebab bila chukai tidak di-bayar Pejabat2 Tanah Daerah berkenaan akan menuntut chukai itu sa-belum lain2 urusan mengenai permohonan mereka di-proses sa-lanjut-nya.

## BERI K-SAMA

Proses menuntut chukai ini tegas Awang Dani lagi, sudah tentu melibatkan tenaga dan masa pegawai2 dan kaki-tangan pejabat2 berkenaan yang sa-chara tidak langsong akan melambatkan urusan tuan2 tanah itu sendiri.

"Oleh yang demikian tuan2 tanah hendak-lah memberikan kerjasama kapada Pejabat Tanah dalam apa jua urusan khusus-nya dalam perkara pembayaran chukai sa-umpama itu," kata-nya.

Dengan ada-nya sikap tuan2 tanah yang membayar chukai tahunan itu, Pejabat Tanah, tegas Awg Dani akan dapat menggunakan masa dan tenaga yang dahulu-nya di-tumpukan kapada urusan penuntutan chukai kapada urusan2 orang ramai yang lain demi untok kepentingan masharakat umom.

Menyentoh mengenai dengan sharat khas tanah pula, beliau seterus-nya menerangkan bahawa penggunaan tanah hendak-lah di-selaraskan dengan sharat2 yang telah di-tetapkan di-dalam tiap2 satu geran tanah yang mana penggunaan tanah yang tidak mengikut sharat2-nya ada-lah melanggar Undang2 Tanah.

"Tiap sa-keping tanah yang bersharat pertanian pada lazim-nya di-bolehkan membena hanya sa-buah rumah kediaman sahaja dan jika tuan tanah berhajat untok menggunakan tanah-nya bagi tujuan lain dari yang di-persharatkan saperti untok membuat rumah maka dia hendak-lah membuat permohonan bagi menukar Sharat Tanah kapada sharat2 yang di-maksudkan-nya," kata-nya.

Menurut Pemangku Pegawai Tanah Kanan itu, masaalah2 yang sering di-hadapi oleh Pejabat Tanah ia-lah tentang ada-nya kurang kerjasama dari orang ramai di-mana ada di-antara mereka yang datang ka-Pejabat Tanah dengan tidak membawa persuratan pejabat yang ada kaitan-nya dengan urusan mereka.

## TERBUANG

Ini kata-nya, ada-lah penting kerana dengan ada-nya surat2 berkenaan maka boleh memudahkan kaki-tangan pejabat menchari hubongan-nya dan sa-balek-nya jika perkara ini tidak di-indahkan ia-nya akan mengakibatkan banyak masa dan tenaga kaki-tangan pejabat terbuang dan sa-terus-nya urusan2 orang lain juga turut tergendala.

Di-samping itu, tegas-nya, ada juga di-antara tuan2 tanah yang datang ka-pejabat dengan tidak membawa kad pengenalan di-mana sa-tengah2 urusan memerlukan-nya dan ini menyebabkan mereka terpaksa datang berulang alek ka-Pejabat Tanah.

"Untok kepentingan umom ada-lah lebeh baik bagi kita terlebeh dahulu memikirkan apa2 yang perlu di-bawa bersama sa-belum membuat sa-suatu urusan dengan Pejabat Tanah khas-nya. Kerana saya rasa ada-lah berfaedah kita berbuat begini dari kita terpaksa membuang masa kita sendiri dan juga masa orang lain," jelas Awang Dani itu lagi.

Pemangku Pegawai Tanah Kanan di-samping itu juga telah menerangkan mengenai pentadbiran hal ehwal tanah yang antara lain-nya termasok-lah pemechahan tanah, gadaian tanah, penggantian geran/hilang dan koyak, pengambilan balek tanah dan lain2 masaalah yang berhubong dengan hal tanah.



SA-BAHAGIAN dari peserta2 yang mengikuti takilmat yang di-adakan di-Bilek Taklimat Bahagian Penerangan pada hari Sabtu lalu.

# ranchangan2 RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam sa-tiap hari.

## TIAP2 HARI:

6.00–6.02 pagi : Allah Peliharakan Sultan
6.02–6.30 pagi : Sinaran Wahyu
6.30–8.30 pagi : Dendang Suria
Bingkisan Hari Ini
Suntingan Hidayah
Peringatan Harian
Panduan Sokan
Bertutor Dalam Bahasa Inggeris
12.00–12.45 T/H : Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu stereo)
7.30 malam dan 1.00 tengah hari: Majallah Radio, siaran asal dan ulangan (kechuali hari Khamis)
6.00 petang : Siri Mukkaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsong menunaikan sembahyang Fardhu Maghrib
10.15 malam : Bachaan Al-Kor'an
10.24 ,, Do'a Restu
10.29 ,, Allah Peliharakan Sultan.

## WARTA BERITA:

7.00 pagi (Berita2 dalam negeri)
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 t/hari (tiap2 hari Jumaat)
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita2 dalam Bahasa Dusun Iban)
9.30 Berita Dunia dari BBC London.

**Menyiarkan AZAN:**
Dzohor
Asar
Maghrib
Isha.

## SIARAN F. M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

## GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

### Hari Rabu 25hb. Nob.

PAGI :
7.30 Sudut Pelita
8.30 Rimba Raya
8.45 Persembahan Ku
9.00 Permintaan Pagi Rabu
10.15 Rampaian Joget
10.30 Surat Dari London
10.45 Riang Ria
11.00 Taman Mekar
11.30 Autograph Pendengar

T/HARI :
1.30 Seloka Merpati (SU).

PETANG :
2.00 Chitra Irama
2.30 Tahniah dan uchap selamat
3.15 Hiboran Petang
3.30 Bingkisan Tanah Ayer
4.00 Bangsawan di-udara
4.30 Dendang Oma Irama
5.00 Serbanika Hiboran
5.45 Rampaian Asli.

MALAM :
7.00 Rangkaian Lama dan Baru.
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Kenangan Mengusik Jiwa

### Hari Khamis 26hb. Nob.

PAGI :
8.30 Ruangan Kitani
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Penglipor Lara
10.30 Rampaian London
10.45 Aneka Lagu
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Chitra Wara (SU)

PETANG :
2.00 Ira Kenchana
2.30 Sandiwara Radio (SU)
3.15 Hiboran Petang
3.30 Rimba Raya (SU)
4.00 Tafsir Al-Koran
4.30 Majallah Ugama
5.00 Persembahan Lagu2 Gambus
5.45 Lagu2 Nasehat.

MALAM :
7.00 Bachaan Surah Yassin
8.30 Bimbingan Al-Koran
9.00 Permintaan Lagu2 Lama
9.45 Hidayat.

### Hari Jumaat 27hb. Nob.

PAGI :
8.30 Pertanian
9.00 Suara Gambus
9.30 Tafsir Al-Kor'an (SU)
10.15 Soalan Di-Udara
10.30 Belia Mewakili Zaman-nya
11.00 Bimbingan Al-Kor'an
11.30 Lukisan Masharakat.

TENGAH HARI :
12.00 Lagu2 Dakwah
12.15 Bachaan Al-Kor'an
Menunaikan sembahyang Fardhu Jumaat
1.15 Lagu2 Nashid
1.45 Lagu2 Timor Tengah.

PETANG :
2.00 Majallah Radio (SU)
2.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara
3.15 Muzium Di-Udara
3.30 Focus Radio
4.00 Cherpen dan Salokan
4.30 Langgam Suara
5.00 Apa Pendapat Awda.
5.15 Pilehan Juruhebah.
5.45 Suntingan Khutbah Jumaat

MALAM :
7.00 Lagu2 Rampaian
8.30 Kampong Terpuji (SU)
9.00 Majallah Ugama (SU)
9.45 Mari Berpantun

### Hari Sabtu 28hb. Nob.

PAGI :
8.30 Focus Radio
9.00 Riang Ria
9.15 Soalan Di-Udara
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Varia Peristewa
10.30 Rampai Sari
11.30 Hiboran Untok Adek2.

T/HARI :
1.30 Lagu2 Dari Filem
1.45 Muzium Di-Udara

PETANG :
2.00 Permintaan Hujong Minggu
3.15 Aneka Lagu
3.30 Chitra Irama
4.00 Mutiara Asli.
4.30 Pelajaran Dewasa Di-Udara.
5.00 Rangkaian Lama dan Baru
5.45 Irama di-senja.
6.40 Lagu2 Keronchong

MALAM :
7.00 Titian Budaya
7.15 Selingan Irama
8.30 Cherpen dan Salokan
9.00 Bangsawan Di-Udara (SU)
9.45 Langgam Suara.

### Hari Ahad 29hb. Nob.

PAGI :
8.30 Majallah Radio (SU)
9.00 Taman Mekar
9.30 Dunia Wanita
10.15 Titian Budaya
10.30 Senandong Seloka
11.00 Ruangan Ketani
11.30 Suara Kugiran

T/HARI :
12.00 Sandiwara Radio
12.30 Irama Gembira
1.00 Permintaan Dua Steshen

PETANG :
2.00 Kampong Terpuji
2.30 Seloka Merpati
3.15 Hiboran Selingan
3.30 Arena Sokan
4.00 Chitra Wara
4.30 Mari Berpantun
5.00 Selayang Pandang
5.45 Hiboran Petang
6.40 Irama Asli.

MALAM :
7.00 Ira Kenchana (SU)
8.30 Suara Parajurit
9.45 Permintaan Lagu2 Lama

### Hari Isnin 30hb. Nob.

PAGI :
8.30 Serbanika Hiboran
9.00 Dendang Antarabangsa
9.30 Pilehan Pendengar
10.15 Berdendang Dengan-ku
10.30 Sains dan Perusahaan
11.00 Permintaan Suka Ramai

T/HARI :
1.30 Bingkisan Tanah Ayer

PETANG :
2.00 Kenangan Mengusik Jiwa
2.30 Permintaan Jiran Tetangga
3.15 Rampaian Joget
3.30 Pertanian
4.00 Senandong Seloka
5.30 Selayang Pandang (SU)
5.00 Komintar Radio
5.15 Pilehan Ku
5.45 Lagu2 Rampaian.

MALAM :
7.00 Senandong Ria
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Mutiara Asli.

### Hari Selasa 1hb. Dis.

PAGI :
8.30 Suara Perajurit (SU)
9.30 Permintaan Kaum Wanita.
10.15 Irama Hindustan
10.30 Rampaian London
10.45 Lagu2 Rampaian
11.00 Autograph Pendengar
11.30 Dunia Wanita (SU)

T/HARI :
1.30 Lukisan Masharakat (SU).

PETANG :
2.00 Ku Sampaikan Salam
3.15 Gema Silam
3.30 Ghazal
4.00 Suara Kugiran (SU)
4.30 Belia Mewakili Zaman-nya (SU)
5.03 Varia Peristiwa
5.15 Sayu dan Merdu
5.45 Senandong Senja.

MALAM :
7.00 Hiboran Pilehan
8.30 Permintaan Sukaramai
9.45 Senandong Malam.

## RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

### EVENING

### Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

8.00 Sibelius : Finlandia
Vivaldi : Four Seasons (excerpt)

8.45 Gershwin : Rhapsody in Blue
Wagner : Lohengrin (excerpt)

9.30 Beethoven : Moonlight Sonata

### Thursday

P.M.
8.00 Hello Tomorrow
8.45 Perspective
9.00 Rock Line : Featuring The Pretenders, John Entwistle and Altered Images
9.30 Story Time : 'Dear Me! by Peter Ustinov — Ep. 4

### Saturday

P.M.
8.00 Hits In Germany
8.45 Fact or Fantasy (repeat).
9.30 Top Of The Pops.

### Monday

P.M.
8.00 Dateline
8.45 Up The Belait Without A Paddle
9.30 Thirty-Minute Theatre : "Something's Burning by Joan O'Connor.

### Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.
8.00 Just For You
8.30 Radio Newsreel
9.00 Just For You (continued)
9.30 Stereo Pop Special : "Steve Forbert" — 227 Side 1.

### Daily

A.M.
7.00 BBC and Local News
7.15 Musical Hour
8.15 Radio Newsreel
11.00 Ladies At Eleven — except holidays
12.00 Lunch Break until 1.30—except holidays

P.M.
8.30 Radio Newsreel
9.15 News.

### HOLIDAYS — Friday

A.M.
11.00 Practical World
11.15 Light Music from Netherlands
11.30 Children's Half Hour
12.00 Soundtrack of the Sixties

P.M.
12.45 My Music
1.15 BBC Sports Mazagine.
8.00 World of Books
8.45 International Money Programme
9.00 Strictly Instrumental featuring Piet Noordijkon Saxophone
9.30 Stringsound

### Sunday

A.M.
11.00 Ideas as they come
11.15 Big Band Sound
11.45 Career — Your Choice — Brunei Shell
12.00 "Fact or Fantasy"
12.45 In Latin Mood with Perez Prado and His Orchestra.
1.00 Top of The Pops.

TAJUL'S STUDENT NIGHT

P.M.
8.00 Science Pop
8.15 Career — Your Choice (repeat)
8.45 World of Education
9.00 Hot Questions Cool Replies
9.30 Inter School Debate among Lower Secondary School (final)



## RANCHANGAN PERSEMBAHAN GAMBUS TANAH AYER

RASA-NYA ranchangan Gambus bagai segar kembali, bagai kelopak bunga yang kekeringan embun pagi, embun itu ada-lah awda pendengar, yang seikhlas hati turut menyertai ranchangan ini. Ya, berbagai bunyi pantingan Gambus-nya, ada saolah2 menggetarkan sukma . . . dan si-rang tua terhibor-lah ia.

Awda, dalam ranchangan persembahan Gambus, madah kata dan rentak irama-nya semoga dapat menghiborkan awda, di-hari Jumaat tika awda bersama keluarga. Dan, sa-telah minggu lalu Seri Berunai mengisikan ruangan-nya, kali ini pada hari Jumaat, 27hb Nobember, Seri Belait pula mengatorkan persembahan mereka. SERI BELAIT di-ketuai oleh Awang Ahmad Wahid (BERMAIN GAMBUS) dan di-pimpin oleh Awang Jaya Idris (BERMAIN BASS GUITAR) akan menampilkan permainan mereka dengan barisan penyanyi2-nya. Jangan lupa pukol 9.00 pagi pada hari Jumaat.

Gambar menunjokkan semasa kumpolan tersebut membuat rakaman-nya di-Studio A (bawah) dan gambar kiri kelihatan penyanyi kumpolan itu ketika membuat rakaman.




## ...Panggang Rempah

...er (di-belah dua)
...ang besar yang sedang
...ris nipis)
...ayer limau nipis
... santan pekat
...an kunyit
...chukop rasa, sedikit serbok
...

... di-giling :

...h keras
...achan (di-bakar)
...ada merah
...ang merah
...a

...-nya :

...yam hingga masak, rempah2 ...-giling tadi masokkan dalam ... ayer limau, garam, serbok pe...sar dan daun kunyit, di-masak ...h dan pekat. Ayam panggang ...h masak, tuangkan kuah di...yam dan di-hias mengikut suka



# RANCHANGAN TVP DARI 30HB. NOB. — 6HB. DIS

### ISNIN — 30HB NOB

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 488
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, KERJA TANGAN, MANIS, JIG-SAW, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 488.

### SELASA — 1HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 489.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BELON SI-MANIS, PAPAN HIKMAT, HALAMAN MENGAJAR, MENEKA BUNYI, DI-MANA TEMPAT-NYA dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 489.

### RABU — 2HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 490.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN MUZIK, MAIN KIM, YANG MANA GANJIL, MAIN BAKUL, PETI SURAT dan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 490.

### KHAMIS — 3HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 491
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, AMIN, TEKA BENDA, MAIN BOLA, HALAMAN MENGAJAR dan CHERMIN SAKTI.

HALAMAN MENGAJAR Che'gu Rokiah akan mengajar gambar2 bermula dengan huruf 'O'.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 491.

### JUMAAT — 4HB DIS

**PAGI**

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PAPAN HIKMAT, PETI SURAT, BERSENAM, HALAMAN MENYANYI dan CHERMIN SAKTI.

### SABTU — 5HB DIS

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 492.
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, MENEKA BUNYI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI. Tajok CHERITA Che'gu Rokiah hari ini ia-lah PAKAIAN BAHARU RAJA.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 492.

### AHAD — 6HB DIS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERSENAM, HALAMAN BELAJAR, KATA SI-MANIS, MENYANYI, MAIN BANG dan CHERMIN SAKTI.




# LEBEH 2,800 SERTAI ACHARA 'JOGGING'

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebeh daripada 2,800 orang di-seluroh negeri telah menyertai achara lari perlahan2 (jogging) anjoran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan pada hari Ahad 15hb Nobember lepas.

Achara tersebut bermula dari Padang Kebajikan Belia dan Sokan di-Jalan Berakas dan berakhir di-Padang Sekolah Menengah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam di-sini. Ia-nya telah bermula kira2 jam 8.00 pagi di-mana peserta2 yang mengambil bahagian telah berjalan sa-jauh tiga batu ia-itu melalui jalan Kampong Anggerek Desa, Orang Kaya Besar Imas dan Jalan Kebangsaan.



SA-BAHAGIAN daripada peserta2 berhimpun di-Padang Kebajikan Belia dan Sokan di-Jalan Berakas sa-belum achara di-jalankan (atas).

Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain telah merasmikan achara pada pagi itu dan seterus-nya mengepalai perjalanan tersebut.

Sa-orang juruchakap jabatan tersebut memberitahu kapada Pelita Brunei bahawa tujuan di-adakan achara itu ia-lah bagi menarek minat orang ramai untok berkechimpong dalam achara itu yang kali pertama di-anjorkan di-Brunei.

Di-samping itu tambahnya, achara itu juga bertujuan untok membentok satu masharakat yang sehat dari segi kesihatan tuboh badan dan menanamkan semangat kesokanan di-kalangan belia2 mahu pun beliawanis di-negeri ini.



KELIHATAN dalam gambar peserta2 melalui jalan Kampong Orang Kaya Besar Imas.

Achara yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu telah di-sertai oleh peserta2 yang mewakili dari jabatan2 kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab2, persatuan2 Belia dan Kebajikan, Badan2 Berkanun, sharikat2, firma2, kampong2 dan orang2 perseorangan.

Menyentoh mengenai dengan sambutan orang ramai terhadap achara pada hari itu, juruchakap itu menambahkata bahawa sambutan-nya sangat-lah menggalakkan dan ia-nya ada-lah di-luar dugaan.

Tiap2 peserta yang telah menamatkan perjalanan pada pagi itu telah di-berikan sa-helai T-Shirt oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dengan lambang 'JOGGING UNTOK KESIHATAN, KESEGARAN DAN KESEJAHTERAAN'.



TIAP2 peserta yang menamatkan perjalanan pada pagi itu dihadiahkan dengan sa-helai T-Shirt saperti kelihatan dalam gambar.

## KAMUDI anjor majlis keshukoran

KIUDANG. — Persatuan KAMUDI Kampong Kiudang di-Daerah Tutong akan mengadakan majlis keshukoran bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Kiudang di-sini pada hari Ahad 29hb. September depan bermula jam 8.00 pagi.

Majlis tersebut ia-lah bagi menyambut Tahun Hijrah 1402, merai'kan Penghulu Baru bagi kampong tersebut, Pengiran Othman bin Pengiran Mohd. Salleh dan merai'kan ahli2 persatuan tersebut yang selamat kembali ka-tanah ayer sa-lepas menunaikan fardhu haji di-Mekah.

Antara achara yang di-adakan termasok-lah bachaan ayat2 suchi Al-Kor'an, uchapan alu2an dari Pengerusi sambutan, zikir marhaban dan lain2.

Setiausaha Agong persatuan itu, Awg. Mohd. Hussain bin Haji Hassan meminta ahli2 jawatankuasa, pendudok2 kampong dan pendudok2 di-sekitar-nya supaya akan dapat hadhir di-majlis tersebut bagi memeriahkan lagi majlis pada pagi itu.

## Perlawanan awal

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan badminton pusingan awal yang di-anjorkan oleh Kelab Badminton Jabatan Pelajaran telah di-mulakan minggu lalu.

Sa-banyak 24 buah pasokan dari 17 buah jabatan menyertai perlawanan bagi merebut Piala Dato Haji Ahmad itu.

## *Sertai kejohanan sokan Kebangsaan Pos M'sia*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai lima orang ahli sokan dari Jabatan Perkhidmatan Pos telah menyertai Kejohanan Sokan Kebangsaan Pos Malaysia 1981 yang telah berlangsong sa-lama dua hari berturut-turut dari 20hb. hingga 21hb. Nobember lepas di-Stadium Kota Raja Kelang, Selangor.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Ketua Pos Agong, Pengiran Jeluddin bin Pengiran Mohd. Limbang. Sementara ahli2 sokan-nya pula terdiri dari Awang Ahmad bin Haji Nordin, Awang Yahya bin Panjang, Awang Bakir bin Tahir, Awang Hamzah bin Metussin dan Awang Zainal Abidin bin Jahad.

Di-kejohanan itu rombongan Brunei itu telah menyertai lari 100 meter, 200 meter, 800 meter dan lari berganti-ganti.

Di-samping Brunei, negara2 yang turut mengambil bahagian di-kejohanan dua hari itu termasok-lah Pejabat2 Pos dari Singapura, Indonesia dan Thailand.

Sa-orang juruchakap dari jabatan tersebut ketika di-hubongi menjelaskan bahawa penyertaan mereka ka-kejohanan itu ada-lah atas undangan Pejabat Pos Semananjong Malaysia dan ada-lah merupakan kali pertama Pejabat Pos Brunei menyertai-nya.

# BRUNEI JADI TUAN RUMAH PIALA BORNEO TAHUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei akan menjadi tuan rumah bagi perlawanan bolasepak antara tiga wilayah, Brunei, Sabah dan Sarawak selama tiga hari berturut-turut yang akan bermula dari 25hb. Disember depan bertempat di-Kompleks Sokan Jabatan Kerja Raya Berakas.

Perlawanan itu di-adakan ia-lah bagi merebut Piala Borneo yang di-korniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Negeri Sabah telah munchol sa-bagai juara Piala Borneo sa-banyak empat kali ia-itu sejak tahun 1977 hingga 1980. Tahun lalu perlawanan ini di-adakan di-Kuching, Sarawak.

Bagi menghadapi perlawanan ini Persatuan Bolasepak Amatur Negeri Brunei (BAFA) telah pun memileh sa-ramai 35 orang pemain di-seluroh negeri untok menjalani latehan pusat yang telah pun bermula dua minggu lepas bertempat di-Padang Jalan Simpang Gadong di-sini.

### LATEHAN

Menurut Awg. Ibrahim bin Hj. Johari, Setiausaha Agong persatuan itu bahawa latehan tersebut di-jalankan bermula jam 4.30 petang pada tiap2 hari kechuali hari Jumaat dan Ahad di-bawah jurulatch Kebangsaan, Awang Duncan Mc 'Dowell yang di-peruntokkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan.

Sa-bagai persediaan bagi perlawanan tersebut BAFA telah melantek sa-buah jawatankuasa untok menyelaras perlawanan tahunan itu yang berjumlah sa-ramai 15 orang.

Naib Yang Dipertua BAFA, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid di-lantek selaku pengerusi sementara setiausaha di-pegang oleh Awang Haji Ismail bin Haji Ibrahim dan penolong-nya pula terdiri dari Awang Haji Mohd. Yusof bin Abu. Bakar dan Awang Ismail bin Apong.

### JAWATANKUASA

Jawatan Bendahari kehormat di-sandang oleh Awang Haji Mohd. Hussain bin Haji Zainal dan penolong-nya ia-lah Dato Haji Abu. Zar bin Abu. Bakar; Pengiran Haji Sani bin Pengiran Hj. Ahmad di-lantek sa-bagai Protokol; Bahagian Kelengkapan di-sandang oleh Awang Haji Alidon bin Haji Laidin dan Bahagian perubatan di-pegang oleh Doktor Haji Amiruddin.

Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu di-lantek sa-bagai jawatankuasa bagi penginapan dan kenderaan; pengawas hiboran ia-lah Pengiran Haji Suhaimi bin Pengiran Wahid; Awang Haji Ahmad bin Arshad bahagian sebaran am, keselamatan — OCPD Daerah Brunei dan Muara, pengadil — Johari bin Haji Awang dan Awang Abd. Rahman bin Haji Sanip dan Awang Noorsah bin Haji Abdullah kedua2-nya di-lantek sa-bagai pengawas teknikal padang.

Ahli2 Jawatankuasa Biasa terdiri dari ahli2 Majlis BAFA.



BADAN Kebajikan dan Sokan Letrik Brunei baru2 ini telah mendermakan sa-banyak $615.00 kapada Tabong Derma Anak2 Yatim Daerah Temburong.

Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Bendahari Kehormat, Badan Kebajikan dan Sokan Letrik Brunei, Awang Abdul Hamid bin Haji Mohd Yusof kapada Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Zakaria bin Haji Jeneh di-pejabat beliau baru2 ini.

Pengerusi Tabong Anak2 Yatim daerah tersebut, Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah (kiri sekali) juga hadhir di-majlis tersebut.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Kerajaan Brunei.

1. Jawatan : PENYELENGGARA SETOR TINGKAT KHAS :

(di-Jabatan Jerudong Park).

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak lebeh daripada 45 tahun, lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dalam aliran Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun sa-bagai Penyelenggara Setor Kanan dalam bahagian2 yng tertentu.
c) Kebolehan menaip dan mempunyai pengetahuan Ilmu Menyimpan Kira2 ada-lah merupakan satu kelebehan.

2. Jawatan: PENYELENGGARA SETOR TINGKAT I:

(di-Jabatan Jerudong Park dan Setor2 dan Perbekalan Negara)

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.
b) Mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama 4 tahun dalam kerja2 Penyelenggara Setor.
c) Mempunyai pengetahuan dalam mengurus barang2 setor, alat2 kelengkapan dan alat2 ganti yang berbagai bentok ada-lah satu kelebehan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 5hb Disember, 1981.

(E/1639/81)
(Bil: 177/1981)

## Di-Askar Melayu Diraja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Askar Melayu Diraja Brunei.

1. PENOLONG PEMEREKSA BUROH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor di-antara 25 tahun hingga 40 tahun;
b) Mempunyai pengalaman dalam mentadbirkan hal ehwal buroh dalam Jabatan2 Kerajaan sekurang2-nya lima tahun;
c) Keutamaan akan di-beri kapada Bekas Perajurit Askar Melayu Diraja Brunei yang telah bersara dan mempunyai pengalaman dalam pentadbiran Pejabat Kerahantenaga tidak kurang dari lima tahun atau chalon2 yang mempunyai kelulusan pelajaran yang tinggi dan mempunyai pengalaman saperti di-(b) atas;
d) Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bekerja di-mana2 daerah.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

2. PENOLONG PENGURUS MESS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor di-antara 20 tahun hingga 45 tahun;
b) Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya;
c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai kelulusan dalam kira2 (Accounting) atau pengalaman dalam urusan mess;
d) Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bekerja di-mana2 daerah.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

D. 2 EB. 3 — $515-535-155-580-605-630-655/EB/720-755-790-825-860-900.

3. PEGAWAI FOTO :

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

a) Berumor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun;
b) Lulus pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau sebanding dengan-nya;
c) Mempunyai pemahaman yang luas kapada prinsip2 berkaitan dengan 35 mm dan 2¼ gambar pegun (still photography);
d) Mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman bekerja sa-bagai Jurugambar biasa;
e) Mempunyai lesen memandu yang sah;
f) Chalon2 yang berjaya hendak-lah bersedia untok bekerja dalam suasana peperangan ia-itu apabila askar2 menjalani Latehan Hutan.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

4. PEMBANTU MAKMAL:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun;
b) Lulus mata-pelajaran Inggeris dan Sains dalam pepereksaan G.C.E. Perengkat Biasa;
c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesebuah maktab atau sekolah menengah;
d) Chalon yang berjaya akan di-tempatkan di-Pusat Pengajian Askar Melayu Diraja Brunei.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/7/78 — Bil : 191/1981)

## Sa-bagai Tangan Traffik

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai TANGAN TRAFFIK di-Jabatan Penerbangan Awam, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Chalon2 hendak-lah berumor tidak kurang dari 30 tahun dan bersedia memberikan khidmat sa-bagai pengangkut barang2 dengan baik dan membantu membersehkan bangunan terminal.

**Tugas2 :**

Memuat den memunggah barang2 penumpang untok pemereksaan X-ray dan tugas2 'am pengangkut barang2. Memberseh dan bertugas sa-bagai orang surohan ada-lah sa-bahagian dari tugas2 harian mereka.

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki menjalankan tugas pada bila2 masa dan bergilir2 semasa waktu2 bekerja lapangan-terbang.

**Tangga Gaji :**

E. 1 EB. 3 — $410-425-440-455/EB/470-485-500-515.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/47/78 — Bil: 194/1981)

## TENDER NOTICE

### TENDER FOR WOODWORKING EQUIPMENT FOR PROPOSED G.E. WORKSHOP AND STORES, BOLKIAH CAMP

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Specialist Contractor up to 12.00 noon, 22nd December 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR WOODWORKING EQUIPMENT FOR PROPOSED G.E. WORKSHOP AND STORES, BOLKIAH CAMP."
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ m.s. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 2nd December 1981 onwards during normal office hours.
5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Specialist Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PUBLIC WORKS DEPT. TENDER NOTICES

### No. 168 OF 1981

FRESH Tenders will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF 5 BLOCKS CLASS 'E' FLATS FOR EDUCATION DEPARTMENT AT ANGGEREK DESA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 169 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei, up to 12 noon on 1st December, 1981 for :—

PROPOSED EXTENSION TO VETERINARY CLINIC AT JERUDONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 170 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

IMPROVEMENTS TO THE EXISTING HEALTH CLINIC AT KAMPONG SENGKURONG, JALAN TUTONG, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 171 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

MANUFACTURE AND SUPPLY OF :—

1) 32 SETS CLASS III FURNITURE FOR MUNICIPAL BARRACKS AT JALAN BERAKAS, BRUNEI.
2) 2 SETS CLASS III FURNITURE FOR 2 UNITS 'F' QUARTERS KOTA BATU, BRUNEI.
3) 36 SETS CLASS III FURNITURE FOR 3 BLOCKS 32 UNITS BARRACKS FIRE BRIGADE DEPARTMENT AT INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.
4) 2 SETS CLASS III FURNITURE FOR 'F' QUARTERS FOR FIRE BRIGADE DEPARTMENT AT INTERNATIONAL AIRPORT,
5) 1 SETS CLASS III FURNITURE FOR 1 BLOCK 'E' QUARTERS AT INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 172 OF 1981

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

SITES PREPARATION FOR PROPOSED MOSQUE FOR KAMPONG SUNGAI BESAR, KAMPONG MENTIRI AND KAMPONG BULOH AT KOTA BATU/MUARA ROAD, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 173 OF 1981

TENDERS will be receievd from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

HORSE STUD AT JERUDONG PARK, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 174 OF 1981

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board Brunei up to 12.00 noon on 1st December, 1981 for :—

PROPOSED SEWER CONNECTION FOR 4 UNITS OF CLASS 'C' QUARTERS, CLASSROOM BLOCK AND SHOPHOUSE AT INSTANA EDINBURGH, JALAN BERAKAS, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 175 OF 1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

RE-TREADING OF TYRES FOR P.W.D. WORKSHOP, BANDAR SERI BEGAWAN AND KUALA BELAIT FOR A PERIOD OF ONE YEAR.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 176 OF 1981

TENDERS wil be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

CONSTRUCTION OF MOSQUE FOR KAMPONG PENGKALAN BATU, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 177 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

PROPOSED NEW EXTENSTION OF MOSQUE SERIA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 178 OF 1981

TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

PROPOSED REMODELLING AND EXTENSION TO EXISTING STATE SECRETARY'S RESIDENCE AT GADONG, BRUNEI.

**Note : Interested tenderers are advised to contact Architect Berjaya at Seri Complex, Mile 1, Jalan Tutong, B.S.B. Telephone No. 20169 for further information regarding site works etc.**

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 179 OF 1981

TENDERS will be received by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 8 UNITS — ROAD ROLLERS 3 WHEELED 8-10 TON.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 180 OF 1981

TENDERS will be received by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 5 UNITS — SELF PROPELLED VIBRATING ROLLERS 9 TON.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 181 OF 1981

TENDERS will be received by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 3 UNITS—PNEUMATIC TYPED ROLLER 8 TON.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 182 OF 1981

TENDERS will be received by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for :—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 11 UNITS — MOTOR GRADER, HEAVY CONSTRUCTION TYPE.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 183 OF 1981

TENDERS will be received by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for:—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 3 UNITS—ROAD MAINTENANCE GRADER.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN, BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perchetakan Kerajaan Brunei.

1. PENGENDALI KERJA BERWARNA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mempunyai Certificate in Photolithography dari London College of Printing, London atau kelulusan yang sebanding dengan-nya dan 5 tahun pengalaman industri serta mempunyai kebolehan membuat sekurang2-nya 3 set kerja2 'colour separation' sa-hari tanpa menggunakan sa-suatu mesin (sa-chara

ATAU

Mempunyai 12-15 tahun dalam kerja2 'colour separation' dan mempunyai kebolehan membuat sekurang2-nya 3 set kerja2 'colour separation' sa-chara 'manual' sa-hari.

b) Mempunyai pengalaman dalam penggunaan alat2 Durst Enlargers, Klimsch Cameras dan Gevarex exposure units.

c) Kebolehan mengendalikan 'scanning equipment' ada-lah merupakan suatu kelebehan.

d) Bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

C.2 EB.3 —$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495-1545-1615 - 16j5 / EB / 1735 - 1795-1855 - 1915-1980.

2. PENGENDALI MESIN CHETAK LETTERPRESS TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mempunyai pengetahuan mengendalikan sekurang2-nya mesin chetak Heidelberg Platen.

b) Bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 EB. 3-4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790 - 825 - 860 - 900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

3. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 2-4 tahun pengalaman dalam mengendalikan mesin2 perchetakan.

b) Mempunyai kebolehan mengendalikan mesin2 chetak 'Offset' yang sederhana besar-nya.

c) Mesti-lah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D.2-3 EB.4 — $515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

4. PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Lulus sekurang2-nya 4 mata-pelajaran G.C.E. perengkat biasa termasok-lah mata-pelajaran bahasa Inggeris dan Ilmu Hisab, dan mempunyai Sijil menaip perengkat tertinggi.

ATAU

Telah mengikuti sa-suatu sekim latehan yang di-akui bagi opereter2 mesin penyusun taip-gambar dan mempunyai pengalaman sa-bagai opereter mesin penyusun taip 'hot-metal' sekurang2-nya sa-lama dua tahun.

ATAU

Telah mengikuti latehan perantis dalam bidang 'phototypesetting' sekurang2-nya sa-lama tiga tahun.

b) Mesti-lah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

5. PENGENDALI MESIN PENGATOR HURUF TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 pengendalian2 mesin penyusun taip 'hot-metal'.

b) Boleh membaiki kerosakan2 kechil dan membuat kerja2 penyelenggaraan biasa.

c) Mempunyai pengalaman dalam penyelarasan susunan kerja2 dengan bahagian2 lain di-dalam sa-sebuah pejabat perchetakan.

d) Mesti-lah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D.4 EB5—$980-1010-1040-1070-11105 - 1140 - 1175/EB/1200-1230-1260-1290.

6. PENGATOR HURUF TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya 2 mata-pelajaran G.C.E. perengkat biasa, atau kelulusan yang sebanding dengan-nya, dan mempunyai pengalaman bekerja sa-bagai pengator huruf dalam sa-sebuah firma perchetakan.

ATAU

Telah menjalani latehan perantis sa-bagai pengator huruf dengan sa-sebuah badan latehan yang di-akui. Kebolehan membuat kerja2 'lay-out' bagi surat khabar dan buku ada-lah merupakan suatu kelebehan.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 EB. 3-4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790 - 825 - 860 - 900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

7. PENGATOR TURUF TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 mengator huruf dan berkebolehan dalam hal penyusunan surat khabar.

**Tangga Gaji :**

D. 3-4 EB. 5—$720-755-790-825-860-900-980 - 1010 - 1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

8. PENGENDALI MESIN PENGATOR HURUF PELATEH :

**Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran/Sijil Rendah Pelajaran Brunei.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

9. PENGENDALI MESIN PENGAMBIL PERUF LETTERPRESS :

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah lulus Pelajaran/Sijil Rendah Pelajaran sekurang2-nya Sijil Rendah jaran Brunei. Pemohon2 mesti-lah lelaki.

**Tangga Gaji :**

E. 1-2-3 EB. 4 — $410-425-440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

10. PENJILID TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman dalam kerja2 menjilid dan menyiapkan bahan2 chetak.

b) Boleh mengendalikan mesin2 jahitan buku, dsb.

c) Mesti-ah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift'.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 EB. 3-4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790 - 825 - 860 - 900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175.

11. PENGENDALI MESIN PENGATOR HURUF TINGKATAN III :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalamn dalam pengendalian mesin pengator huruf Intertype atau Linotype, atau pun masa ini sedang menjalani latehan perantis dalam pengendalian mesin pengator huruf dan telah memuaskan pehak berkuasa latehan tentang kebolehan-nya untok di-terima sa-bagai sa-orang opereter yang mahir.

**Tangga Gaji :**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290.

12. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN IV :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut :

a) Mesti-lah boleh mengendalikan mesin chetak 'Offset' yang kechil.

b) Kebolehan mengendalikan mesin2 chetak sederhana besar-nya ada-lah merupakan suatu kelebehan.

c) Bersedia untok bekerja sa-chara bergiilr ('shift').

**Tangga Gaji :**

D. 1-2 EB. 3-4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655/EB/720-755-790 - 825 - 860 - 900-980-1010-10-40-1070-1105-1140-1175.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Disember, 1981.

(E/72/78 — Bil : 193/1981)

## TENDER NOTICE

## SALES BY TENDER OF UNSERVICEABLE/OBSOLETE STORES

LOT 73

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan up to 10.00 am., 28th November 1981 for the undermentioned unserviceable/obsolete stores.
2. Tenders received after this time will be rejected.
3. Unserviceable/obsolete stores may be viewed in RSSD Logistic Depot Compound, Bolkiah Camp until 1100 am 27th November 1981.
4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes and there must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
5. Envelopes must be addressed to the Chairman Tenders Board, the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan and must be clearly marked on the top of the envelope with the Lot number (Lot 73, RBMR).
6. Any tenders received in an envelope not properly addressed will be rejected.
7. Unserviceable/obsolete stores are offered for sale "As Lying" and must be removed from present site by successful tenderer within 14 days of notification.
8. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender.

| Ser No. | Items | Qty |
|---|---|---|
| 1. | Single Mattress R/F | 508 |
| 2. | Double Matters R/F | 186 |
| 3. | Pillow R/F | 596 |
| 4. | Cushion Seat and Back | 141 |
| 5. | Bedstead Iron Folding/Bcnk Bed Steel | 83 |
| 6. | Chair Plastic/Stacking | 268 |
| 7. | Chair Steel Folding-Aluminium | 15 |
| 8. | Food Container, Cool Box and Plastic Insulated | 26 |
| 9. | Blender National | 2 |
| 10. | Jerrycan Petrol Metal | 80 |
| 11. | Ceiling Fan, Standard and Table Fan | 236 |
| 12. | Electric Kwali Cooker | 32 |
| 13. | Electric Rice Cooker | 3 |
| 14. | Electric Kettle | 9 |
| 15. | Electric Iron | 4 |
| 16. | Cooketr 2, 3, and 4 ring | 99 |
| 17. | Vacuum Cleaner | 11 |
| 19. | Urn Tea | 2 |
| 18 | Lawn Mower (Grass Cutter) | 3 |
| 20. | Bin Barrack Body | 40 |
| 21. | Ladder Step 8 and 5 Ft Metal | 2 |
| 22. | GeneratorHonda | 3 |
| 23. | Freezer and Refrigerator | 4 |
| 25. | Water Heater | 18 |
| 24. | Ccoconut Grinder | 1 |
| 26. | Battery Charger | 2 |
| 27. | Automatic Bread Slicer | 1 |
| 28. | Arm Chair Swimming Pool | 90 |
| 29. | Bar Stool | 11 |
| 30. | Sun Umbrella | 14 |
| 31. | Table Round with Facility for holding Umbrella | 15 |
| 32. | Power Saw Homelite | 21 |
| 33. | Suit Case | 54 |
| 34. | OMC — 20HP and 50HP Evinrude Spares | 316 |
| 35. | Two Bar HS 748 | 2 |
| 36. | Boot/Shoes DMS Black | 35 |
| 37. | Balier Diving Air Compressor | 1 |
| 38. | Watch/Stopwatch/Wall Clock | 11 |
| 39. | Micrometer | 4 |
| 40. | Bicycle | 1 |
| 41. | Projector | 1 |
| 42. | Camera | 5 |
| 43. | Binocular | 6 |
| 44. | Battery 12V | 5 |

## Di-Jabatan Perchetakan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek ka-jawatan2 yang berikut di-Jabatan Perchetakan Kerajaan Brunei.

1. PENGENDALI MESIN PENGATOR HURUF TINGKATAN KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut :

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam kerja2 hot-metal process.

b) Tahu selok belok pengendalian sistem alat penyusun taip-gambar terutama-nya 'Compugraphic Phototypesetters'.

c) Mesti-lah boleh membaiki kerosakan2 kechil dan membuat kerja2 penyelenggaran biasa.

d) Mempunyai pengalaman dalam penyelarasan susunan kerja di-antara bahagian menyusun taip dengan lain2 bahagian di-dalam sa-sebuah pejabat perchetakan.

e) Mesti-lah bersedia untok untok bekerja sa-chara bergilir (ishift').

**Tangga Gaji :**

D. 5 EB. 6 — $1200-1230-1260-1290 / E B / 1320 - 1350-1380-1410.

2. JURUGAMBAR PEROSES TINGKATAN KHAS :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya2 4-5 tahun pengalaman dalam kerja2 penggambaran gerafik.

b) Mempunyai kebolehan membuat kerja2 "colour separation" dan dapat menyiapkan sekurang2-nya 1-2 set 'colour separation' sa-hari.

c) Tahu mengendalikan alat2 'Graphic Reproduction" buatan Klimsch, Ourst dan Nu Arc.

d) Boleh membuat kerja2 'colour registration' dan 'layout'.

e) Bersedia bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D. 5 EB. 6 — $1200-1230-1260-1290 / E B / 1320 - 1350-1380-1410.

3. PENGENDALI MESIN CHETAK OFFSET TINGKATAN II :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:—

a) Mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 6-8 tahun pengalaman dalam mengendalikan mesin2 chetak yang mana tempoh 3 tahun yang terakhir ini ia-lah mengenai mesin2 chetak 'offset' yang besar.

b) Kebolehan mengendalikan mesin2 chetak jenis 'Web-Offset' ada-lah merupakan suatu kelebehan.

c) Bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D.3 EB.4-5 — $720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040 - 1070 - 1105 - 1140-1175-1200-12340-1290.

4. PENGENDALI MESIN PENYUSUN TAIP GAMBAR TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai sekurang2-nya 10 tahun pengalaman dalam pengendalian mesin2 menyusun taip-gambar jenis 'direct-input' dan 'off-line' yang di-lengkapkan dengan 'disk facility'.

b) Mempunyai pengetahuan dalam kerja2 bilek-gelap yang berkaitan dengan tugas2 'phototypesetting'.

c) Bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

d) Mempunyai kebolehan menyelaraskan perjalanan kerja, ia-itu mempunyai pengalaman sa-bagai penyelia rendah.

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 1200-1230-1260-1290.

5. PENGENDALI MESIN CHETAK LETTERPRESS TINGKATAN I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah memenohi sharat2 yang berikut:

a) Mempunyai sekurang2-nya 15 tahun pengalaman dalam pengendalian Mesin 'Leterpress' yang mana tempoh 5 tahun yang terakhir dari tempoh tersebut ada-lah pengalaman mengendalikan mesin2 chetak besar.

b) Mempunyai kebolehan membuat kerja2 penyelenggaraan biasa saperti 'setting rollers, packing' dan sa-bagai-nya.

c) Mesti-lah bersedia untok bekerja sa-chara bergilir ('shift').

**Tangga Gaji :**

D.4 EB.5—$980-1010-1040-1070-1105-1140 - 1175 / E B / 200-1230-1260-1290.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamtkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Disember, 1981.

(E/57/81)

(Bil : 188/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Juru Ukor Bahan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai JURU UKOR BAHAN di-Jabatan Perpindahan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai Ijazah atau Diploma Quantity Surveying daripada sa-sebuah Universiti atau Maktab yang di-iktiraf yang mengechualikan pemegang-nya dari pepereksaan Bahagian I dan II Royal Institute of Chartered Surveyors, atau mempunyai A.R.I.C.S. atau pun lain2 kelulusan yang di-akui sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya 6 tahun pengalaman dalam kerja2 ukor kuantiti, menaksir bil2 bahan yang berkaitan dengan semua jenis bangunan2 awam dan persendirian, dan lain2 kerja yang berkaitan.

**Tangga Gaji:**

B.2 EB 3 — B$1975-2050-2125-2205-2285 - 2365 - 2445 2525-2610-2690 - 2775 - 2870 - 2965-3070-3175 - 3280 / E B / 3350-3445-3540-3640. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Disember, 1981.

(Bil: 176/1981)

## TENDER NOTICE

REGISTRATION for pre-qualification to tender for the construction of Port Facilities in Brunei Port Expansion Project.

PUBLIC Works Department, Brunei intends to invite tenders and subsequently to enter into a contract with a qualified contractor for the above mentioned project at Muara.

The project includes the construction of:

- A pre-stressed concrete piled wharf of 103,000 sq. ft. approx.
- Reclamation of approx. 2½ Acres of foreshore and seawalls.
- Concrete Hardstanding of 76,200 sq. ft.
- A new Transit Shed of 67,500 sq. ft.

Contractors wishing to be prequalified to tender of the work are requested to apply for prequalification and submit the following information.

a. **Experience**

A list of marine projects which the contractor has successfully completed, giving a brief project description, client, location, value of work completed, starting and completion dates.

b. **Current Contracts**

A list of the contractor's current contracts, giving client, value, description, location and estimated completion date.

c. **Financial Statement**

a) Banker's reference

b) The Contractor's certified accounts for 1979 or 1980.

d. **Project Organisation**

Names of partners, directors and key personnel who will be responsible for this project.

The above information required shall be submitted in duplicate to arrive not later than 15th December 1981.

One copy shall be sent to:
The Director of Public Works,
Public Works Department,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

The other copy will be sent to:
The Associated Consultants Pte Ltd.,
P. O. Box 697,
No. F11, Seri Temasek Complex,
Seri Shopping Complex,
Bandar Seri Begawan,
Jalan Tutong,
Brunei.

Envelopes shall be clearly marked "Prequalification for the Construction of Port Facilities in Brunei Port Expansion Projet."

## TENDER NOTICE

### PROPOSED MOTOR TRANSPORT, CENTRALIZED ARMOURY AND GARRISON ENGINEERS COMPLEX, PENANJONG CANTONMENT, PHASE I

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 29th December, 1981 for the construction and completion of: —

PROPOSED MOTOR TRANSPORT, CENTRALIZED ARMOURY & GARRISON ENGINEERS COMPLEX, PHASE 1, PENANJONG CANTONMENT, BRUNEI.

2. Before the tender documents can be issued, tenderers must show proof that:

2.1 They are currently registered P.W.D. Brunei as Class 'A' Contractors, and who have complied with Government circular referenced PWD/HO/C/15.7 dated 3rd March, 1979.

2.2 Tenderers must produce a specific Bankers' letter, stating that in the event of the applicants' tender being successful, the said bank will provide a Security Bond in the amount not less than $1.0 million and not less than 10% of the submitted tender for the duration of contract. This document must be submitted to the Architects during the Tender period, failure to do so will amount to a rejection of the tender.

3. Tender Documents can be examined at and obtained from the office of the Architect:

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2 AKITEK
146 Jalan Chevalier
Bandar Seri Begawan
Brunei

from Friday 4th December 1981 onwards during normal office hours.

4. The tender deposit required is B$10,000.00 which is in the form of a cheque, shall be made payable to the Architects. This deposit is refundable to each tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all tender documents in good condition.

5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the names and address of the tenderer on the envelope.

6. Tenders received after the above stipulated closing time will be rejected.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## DI-JABATAN RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan Negeri Brunei untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Radio Talivishen, Brunei.

1. PENERBIT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Sijil Persekolahan atau yang sebanding dengan-nya. Chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang lebeh tinggi boleh juga memohon. Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 yang di-perlukan tetapi mempunyai pengalaman yang menchukopi dalam bidang2 yang berkaitan boleh juga di-pertimbangkan. Pembantu2 Penerbitan dan pegawai2 dalam Bahagian Ranchangan yang telah berkhidmat sa-lama lima tahun termasok sekurang2-nya tiga tahun pengalaman dalam penerbitan2 Talivishen atau Filem.

**Tugas2:**

Bertugas sa-chara langsong kapada Pengurus Penerbitan Ranchangan atau Penerbit Kanan TV sa-bagai Penerbit bagi ranchangan2 minor dan routine, atau di-tugaskan dengan Pegawai Kanan Bahagian Berita atau lain2 bahagian output dengan menjalankan tanggong-jawab bagi ranchangan2 biasa dan routine. Membantu dalam penyelidekan, penyediaan skerip, mengarahkan dan membuat arahan dalam latehan2 dan lain2.

**Tangga Gaji:**

C. 3-4 EB. 5 — $1735-1795-1855-1915 - 1980 - 2035 - 2095-2155-2215 - 2280 / EB / 2335 2395-2455-2515-2580. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PENGURUS PENTAS:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Lulus Tingkatan Lima aliran Melayu. Chalon2 biasa-nya hendak-lah mempunyai pengalaman menerbit ranchangan2 sandiwara atau pernah bertugas sa-bagai pengurus pentas. Mereka mesti-lah mempunyai minat dalam ranchangan2 sandiwara, drama dan lain2 lagi. Mereka, juga harus mempunyai sifat peramah dan berkebolehan mengawal kumpolan2 orang ramai.

**Tugas2:**

Mengawal dan mengator para artis dan lain2 di-pentas studio sa-masa dalam latehan dan penerbitan. Membantu penerbitan ranchangan.

**Tangga Gaji:**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEREKA:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 40 tahun dan boleh bertutor dengan faseh dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Sebaik2-nya mempunyai pengalaman sa-bagai pereka set pentas dan talivishen. Kemahiran dalam semua jenis lukisan grafik serta kebolehan mereka pelan2 bangunan ada-lah penting. Kelulusan Diploma in Art, atau yang sebanding dengan-nya atau sekurang2-nya kelulusan Sijil 'Am Pelajaran akan di-pertimbangkan.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya di-kehendaki membuat kerja mereka set untok ranchangan2 talivishen. Mereka mesti-lah bersedia siang malam, hari Jumaat/Ahad dan dengan Bahagian Siaran Luar TV.

**Tangga Gaji:**

C.2 EB.3—$1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 / E B / 1735 - 1795-1855-1915-1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENOLONG PENERBIT:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah lulus Sijil 'Am Pelajaran Brunei (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya. Hendak-lah mempunyai minat dalam beberapa aspek ranchangan talivishen saperti sokan, ugama, hal-ehwal pada masa ini, drama hiboran. Perlu mempunyai pengetahuan yang baik tentang Bahasa Melayu serta adat istiadat Brunei. Kemahiran dalam Bahasa Inggeris merupakan suatu kelebehan.

**Tangga Gaji:**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1035 - 1350 - 1395-1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

5. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (FILEM DAN PITA):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa (aliran Inggeris atau Melayu) atau mempunyai pengalaman sekurang2-nya dua tahun dalam tugas2 Perpustakaan Filem dan Pita. Kebolehan mengator sistem yang mudah dalam membuat indeks dan katalog bagi filem2 dan pita2 ada-lah satu kelebehan.

**Tugas2:**

Mengendalikan Perpustakaan Filem dan Pita dan membuat laporan tiap2 bulan mengenai keadaan filem2 dan pita yang ada dalam simpan-

**Tangga Gaji:**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

6. PEGAWAI RANCHANGAN TINGKAT III:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

BAHAGIAN INGGERIS

Sijil 'Am Pelajaran termasok bahasa Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

BAHASA MELAYU

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

BAHAGIAN CHINA

Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya, dan Senior Middle Three Chinese.

Satu ujian akan di-adakan untok menentukan kesesuaian chalon2 untok jawatan2 ini.

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175 - 1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

7. PENOLONG PERPUSTAKAAN FILEM:

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Lulus sekurang2-nya Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Berpengalaman dalam kerja2 perpustakaan filem dan pita merupakan satu kelebehan.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya akan bertugas di-bawah penyeliaan Pegawai Perpustakaan Filem dan Pita. Tugas2 jawatan ini termasok-lah menyediakan daftar filem2 dan pita, menchatet butir2 penerimaan dan penghantaran-nya serta membuat lain2 tugas di-dalam bilek perpustakaan saperti yang di-arah.

**Tangga Gaji:**

D. 1-2-3 EB. 4-5—$425-440-455-470-485-500-515-535-555 - 580-605-630-655-720-755-790 - 825-860-900 / EB / 980-1010 - 1040-1070-1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

8. PEGAWAI PERPUSTAKAAN (PIRING HITAM DAN PITA):

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman bekerja di-sesebuah perpustakaan piring hitam.

**Tangga Gaji:**

D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010 - 1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Disember, 1981.

(E/18/75)
(Bil: 183/1981)

## J.K.R. PEMBERITAHUAN TAWARAN

**SERIAL No. KB 28/1981**

TAWARAN2 akan di-terima oleh Lembaga Tawaran, Brunei daripada Kontrektor2 Kelas B sahaja dan ka-atas yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya, Brunei sahingga jam 12.00 tengah hari pada 8hb Disember, 1981 bagi: —

MEMBEKALKAN CHAT KA-JABATAN KERJA RAYA DAERAH BELAIT.

Surat2 keterangan serta butir2 lain boleh di-lihat dan di-dapati di-Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

**SERIAL No. KB 28/1981**

TENDERS will be received from Class B only and above Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th December, 1981 for: —

SUPPLY OF PAINT TO PUBLIC WORKS DEPARTMENT FOR BELAIT DISTRICT.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Kuala Belait.

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICE

**No. 184 OF 1981**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 8th Decembed, 1981 for:—

SUPPLY C.I.F. BRUNEI 4 UNITS—ROAD ROLLER 3 WHEELED 6-8 TON.

Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### DOUBLE SQUASH COURTS BERAKAS CAMP, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, December 15, 1981 for the Construction and Completion of:

DOUBLE SQUASH COURTS, BERAKAS CAMP, BRUNEI.

2. Tender Documents can be examined at and obtained only from Wednesday, November 18, 1981 onwards during normal office hours from the office of the Architects:

Singapore Associate Architects
Unit 1,
Block E, 1st Floor
Jefri Bolkiah Building
Seri Complex
Mile 1½, Jalan Tutong
Bandar Seri Begawan
Brunei.

3. No tender drawings and documents will be issued after 4.30 pm on Tuesday, December 1, 1981.

4. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to:

4.1 produce documentary evidence of their P.W.D. registration status

4.2 produce a letter from his bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender being accepetd the said bank will furnish him with a Banker's Guarantee (in the sum of approximately $90,000.00) in accordance with the Conditions of Contract.

5. The Tender Deposit required is $500.00 (Dollars Five Hundred Only) which is in the form of a bank draft and shall be made payable to the Architects. The deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Document in good condition to the office of the Architects.

The Tender Deposit will be FORFEITED from any tenderer who fails to submit a tender or fails to submit a bona fide tender or fails to return the Tender Documents to the Architects' Office before the closing date.

The Tender Deposit will NOT be refunded to the successful tenderer, and the said deposit will be paid to the Government to be credited to the relevant project vote.

6. Tenders shall be submitted on the Form of Tender provided.

7. Tenders shall be submitted in a plain sealed envelope bearing no indication of the name of tenderer, and the said envelope shall be marked clearly:

"TENDER FOR THE CONSTRUCTION AND COMPLETION OF DOUBLE SQUASH COURTS, BERAKAS CAMP, BRUNEI."

8. Tenders are to be submited and must reach the office of:

The Chairman
Tenders Board
Secretariat Building
Bandar Seri Begawan
Brunei

not later than 12.00 noon on Tuesday December 15, 1981. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.

9. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PENOLONG PENGARANG

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai PENOLONG PENGARANG di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai salah satu dari kelayakan2 berikut:—
   i) Mempunyai Sijil Pelajaran Ugama, Brunei.
   ii) Mempunyai Sijil 'Am Pelajaran Perengkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata-pelajaran termasok mata-pelajaran Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama;
   iii) Sijil Rendah pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dengan sharat lulus mata-pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempnuyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dan mempunyai pengalaman dalam karang mengarang.
   iv) Hendak-lah tahu menulis dan membacha jawi.
c) Chalon2 yang tidak mempunyai kelayakan di-atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari lima tahun serta mempunyai pengalaman dalam karang mengarang boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5—$720-755-790-825-860-900 / E B / 980-1010-1040-1070 - 1105 - 1140 - 1175-1200-1230-1260-1290.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 9hb Disember, 1981.

(E/805/74)
(Bli : 185/1981)

### TENDER NOTICE

**SUPPLY OF IRONMONGERY FOR THE OFFICERS' MESS RBMR PENANJONG CANTONMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan from registered suppliers for the supply of IRONMONGERY for the above project up to 12.00 noon on Tuesday 22nd December, 1981.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderer and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR THE SUPPLY OF IRONMONGERY FOR THE OFFICERS' MESS RBMR, PENANJONG CANTONMENT."
4. Bills of Quantities may be obtained from the office of Akitek Bersatu, 148, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from Wednesday 25th November, 1981 during normal office hours.
5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tender who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Document to the Architect before the closing date.
6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT**
**TENDER No. 78/1981**

TENDERS will received by the Chairman Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan upto 12.00 noon on Tuesday 15th December, 1981 for the supply and delivedy of Komatsu Spares to State Stores and Supplies Depadtment. Details degarding the dequirement and other padticulars are available from the office of the Contdoller of Government Stores, Jalan Gadong, Brunei.

### TENDER No. 80/1981

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the office of State Financial Officer, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Tuesday 22nd December, 1981 for the supply and delivery of Screen Vinyl Yellow 20 x 20 mesh 36" x 100' to State Stores and Supplies Departments. Details regarding the requirement and other particulars are available from the office of the Controller of Government Stores, Jalan Gadong.

## Electrical Department — Tender Notices

### TENDER No. 64/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 1st December, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL AT KILANAS, MILE 7, JALAN TUTONG.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawn, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR RELIGIOUS PRIMARY SCHOOL AT KILANAS, MILE 7, JALAN TUTONG."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 65/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A", "B" and "C" up to 12.00 noon on Tuesday, 1st December, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 BLOCKS (6 UNITS EACH) CLASS "F" TEACHERS' FLATS FOR S.M. SULTAN HASSAN, BANGAR, TEMBURONG

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 BLOCKS (6 UNITS EACH CLASS "F" TEACHERS' FLATS AT BANGAR, TEMBURONG."

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 69/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 1st December, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 4 BLOCKS 12 UNITS CLASS "C" FLATS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BANDAR SERI BEGAWAN (PHASE 4)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR 4 BLOCKS 12 UNITS CLASS "C" FLATS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI (PHASE 4)."

The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 70/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A', only up to 12.00 noon on Tuesday, 1st December, 1981 for tre following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCKS IMPROVED TYPE CLASS "B" FLATS AND 2 BLOCKS CLASS "C" AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BRUNEI (PHASE V)

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked- : —

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 3 BLOCKS IMPROVED TYPE CLASS "B" FLATS AND 2 BLOCKS CLASS "C" FLATS AT KAMPONG ANGGEREK DESA, BRUNEI (PHASE V)."

Tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 73/1981

**AIR CONDITIONING INSTALLATION**

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan, from Registered Grade A and B Air-Conditioning Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 15th December, 1981 for the : —

OVERHAUL REPAIR AND COMMISSIONING OF AIR CONDITIONING INSTALLATION BRUNEI MUSEUM, KOTA BATU.

2. Tenders received after the stated time will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in plain sealed envelope with no indication of the tenderer's name or address and shall be marked 'Overhaul Repair and Commissioning of Air Conditiong Installation Brunei Museum, Kota Batu.'
4. The Form of Tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Electrical Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.
5. The tender deposit of $200.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.
6. The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER No. 75/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Electrical Wiring Contractors, Class "A" and "B" up to 12.00 noon on Tuesday, 1st December, 1981 for the following:—

ELECTRICAL INSTALLATION FOR 18 BLOCKS OF CLASS "C" QUARTERS AND 18 BLOCKS OF 2 UNITS CLASS "G" QUARTERS FOR ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT PENANJONG CONTONMENT, PENANJONG.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan.

The tender documents must be placed in a plain sealed envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be marked:—

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR 18 BLOCKS OF CLASS "C" QUARTERS AND 18 BLOCKS OF 2 UNITS CLASS "G" QUARTERS FOR RBMR AT PENANJONG CONTONMENT, PENANJONG, BRUNEI."

The tender deposit of $300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all successful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 77/1981

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei from the Registered Contractors up to 12.00 noon on Tuesday, 15th December, 1981 for the following:—

PAINTING OF EXHAUST STACK AT SERIA POWER STATION, SERIA.

Tenders received after the stated time will be rejected.

There will be discussion of the above Tender Specification on 8th Decemeber, 1981 at 9.00 a.m. at the Seria Power Station Engineer Office. Any Contarctor interested should attend this discussion and Electrical Department reserves the right to refuse tender from contractor who does not attend such meeting.

Tender shall be submitted in a plain sealed envelope with no indication of tenderer's name or address and shall be marked : —

"PAINTING OF EXHAUST STACK AT SERIA POWER STATION."

The form of tender including specification and drawing can be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

The tender deposit will be $300.00 refundable to all unsuccessful tenderers on receipt of a bona fide tender.

### TENDER No. 79/1981

TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei from the registered Electrical Wiring Contractors, Class "A", "B" and "C" up to 12.00 noon on Tuesday, 15th December, 1981 for the following : —

ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW TEMPORARY PRAYER HALL FOR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked : —

"ELECTRICAL INSTALLATION FOR NEW TEMPORARY PRAYER HALL FOR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender deposit of $100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

### ELECTRICAL DEPT. TENDER NOTICE

**TENDER FOR ELECTRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED ARMOURED RECONNAISANCE SQUADRON AT PENANJONG CANTONMENT**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 22nd December, 1981.
2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.
3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR ELETRICAL INSTALLATION FOR PROPOSED ARMOURED RECONNAISANCE SQUADRON AT PENANJONG CANTONMENT".
4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma International Consultants, Block F12, Seri Temasek, Seri Complex, 1¼ m.s. Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan from 25th November 1981 onwards during normal office hours.
5. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred only) in the form of Bank Draft drawn in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The Tender Deposit shall be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'A' Electrical Contractor.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pengawas Pemeliharaan Mesin

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai PENGAWAS PEMELIHARAAN MESIN di-Jabatan Perchetakan Kerajaan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah tahu menjaga dan membaiki Mesin2 Perchetakan buatan "Heidelberg," baik dari jenis Letterpress mahu pun Offset, Mesin Pemotong Kertas jenis "Polar" Mesin2 Penjilid jenis "Muller Martini."

Pemohon2 mesti-lah juga memahami "electronic circuitry" terutama-nya yang berkaitan dengan alat2 "Graphic Reproduction" saperti Process Cameras, Enlarger, Film Processor dan lain2 lagi.

Pemohon2 yang pernah di-lateh di-Pusat Latehan Heidelberg (Germany) dan Pusat Muller-Martini (Switzerland) akan mempunyai sa-suatu kelebehan.

**Tangga Gaji :**
C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395 - 1445 - 1495 - 1545-1615-1685 - 1735 - 1785 - 1855-1915 - 1980 / EB / 2035-2095 - 2155-2215-2280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek. Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Disember, 1981.

(E/167/78)
(Bil : 189/1981)

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI JURUTULIS JAWI DI-DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok di-lantek sa-bagai JURUTULIS JAWI di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Lulus sekurang2-nya tiga mata-pelajaran Perengkat Biasa (satu daripada-nya mata-pelajaran Bahasa Melayu dan tidak termasok mata-pelajaran Senilukis) dalam Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya;

b) Mempunyai latehan asas dalam khat tulisan Jawi dan berkebolehan menulis lebeh daripada satu khat tulisan Jawi;

c) Berpengalaman sekurang2-nya tiga tahun dalam kerja menulis Jawi dan Rumi untok papan-nama dan papan-iklan; dan

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah berkhidmat di-jabatan ini.

**Tangga Gaji :**

C. 1-2 EB. 3 — $1110-1155 1215-1260-1305 - 1350 - 1395 - 1445-1495-1545 - 1615 - 1685/ EB / 1735-1795 - 1855 - 1915 - 1980. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Disember, 1981.

(E/997/74 — Bil: 192/1981)

## SURGICAL GLOVES AND SURGICAL FACE MASKS

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 30th November, 1981 for "SURGICAL GLOVES AND SURGICAL FACE MASKS." Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited for the supply of the following Surgical Gloves and Surgical Face Masks for the year 1982 : —

a) **Sterile Disposable Gloves, latex, suitable for surgical use**

| Size | | Approximate Requirement |
|---|---|---|
| 5½ | — | 11,200 pairs |
| 6 | — | 30,000 pairs |
| 6½ | — | 28,000 pairs |
| 7 | — | 12,500 pairs |
| 7½ | — | 7,600 pairs |

b) **Non-Sterile Examination Gloves — Vinyl**

| Size | Approximate Requirement |
|---|---|
| Small (5-6) | 23,000 pieces |
| Medium (7-8) | 27,000 pieces |

c) Disposable Face Masks in Packs of 100 pieces approx: 3,850 packs

3. All Sterile Gloves supplied must have at least 2 years to expiry date.
4. All tenders must be accompanied by samples of ALL items offered should indicate brand and country of origin of items offered.
5. The successful tenderer shall be required to store stocks in an air-conditioned room.
6. The contract may be terminated by either party at one month's notice in writing.
7. Tenders must indicate packing size of items offered.
8. Tenders must indicate delivery delay expected.
9. Tenders must be placed in plained sealed envelope on the face of which should be written "SURGICAL GLOVES AND SURGICAL FACE MASKS". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
10. Tenders deposit will be $500.00.
11. Tenders form will be obtain from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.
11. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## KENYATAAN TAWARAN

### KENYATAAN TAWARAN KANTIN MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA, BRUNEI

PEMBORONG2 tempatan ada-lah di-pelawa untok menguruskan perkhidmatan kantin maktab tersebut di-atas kira2 dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh yang akan di-tetapkan kemudian.

2. Tawaran hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di-alam Pejabat Kewangan Negara, Brunei tidak lewat pada 1hb Disember, 1981 hari Selasa jam 12.00 tengah hari.

3. Semua tawaran hendak-lah di-hantarkan dengan sampol surat tertutop dengan menulis sampol surat itu "TAWARAN KANTIN MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, JABATAN HAL EHWAL UGAMA."

4. Tawaran pendahuluan mengenai perkara ini hendak-lah di-bayar sa-banyak $50.00 ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Kewangan, Bandar Seri Begawan Tingkat Pertama pada bila2 masa waktu bekerja biasa hingga 30hb Nobember, 1981 jam 3.00 petang.

5. Jika Pemborong2 ingin mendapatkan penerangan2 lebeh lanjut mengenai dengan sharat2 tawaran tersebut dan sa-umpama-nya, maka Pengetua Maktab yang berkenaan di-Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan boleh-lah di-hubongi.

6. Kerajaan tidak akan berikat menerima tawaran yang paling murah atau sa-umpama-nya.

## KENYATAAN TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pembekal2 tempatan bagi membekal dan memasang satu unit HARCO LAMINATING MACHINE Model 1114F untok pejabat Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Pembekal2 yang berjaya hendak-lah bersedia dengan sharat2 berikut :

a) Mesin itu hendak-lah dalam jaminan sa-lama satu tahun sa-lepas pemasangan-nya, semua perkakas ganti dan lain2 hendak-lah di-tanggong oleh pembekal;

b) Mengadakan sa-orang mekanik yang mahir dengan mesin tersebut sa-baik2-nya di-dalam negeri supaya senang di-hubongi pada bila2 masa di-kehendaki sama ada di-dalam jaminan atau sa-lepas tempoh jaminan dan

c) Bersedia membekal perkakas2 ganti bagi mesin tersebut dan lain2 barang keperluan-nya.

Pembekal2 hendak-lah menyatakan tempoh pembekalan dan harga CIF Bandar Seri Begawan termasok chukai Kastam dan perbelanjaan pemasangan.

Tawaran2 hendak-lah di-masokkan di-dalam sampol surat biasa yang bertutop dengan chatetan di-sebelah atas sampol surat tersebut "MEMBEKAL DAN MEMASANG HARCO LAMINATING MACHINE," lain2 tanda yang boleh mengenalkan siapa pemohon tidak-lah boleh di-buat ka-atas sampol surat tersebut.

Sampol surat tersebut mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei dan hendak-lah sampai kapada-nya tidak lewat dari pukol 4.00 petang pada 26hb Disember, 1981.

Tawaran2 yang di-terima lewat dari waktu dan tarikh tersebut akan di-tolak.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

## MEDICAL DEPARTMENT — TENDER NOTICE DRUGS AND MEDICINE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Offices, Brunei up to 4.00 p.m. on Monday 30th November, 1981 for DRUGS AND MEDICINE. Tenders received after this time will be rejected.

2. Tenders are invited for the supply of the following Drugs and Medicine for the year 1982 : —

| | Padticulads | Approximately Requirement |
|---|---|---|
| 1. | Ampicillin Capsules 250mg. | 150,000 capsules |
| 2. | Ampicillin Syrup, 125mg/5ml. | 2,350 bottles x 500ml. |
| 3. | Amoxycillin Capsules, 250mg. | 120,000 capsules |
| 4. | Amoxycillin Syrup, 125mg/5ml. | 2,800 x 500ml. |
| 5. | Cloxacillin Capsules, 250mg. | 120,000 capsules |
| 6. | Cloxacillin Syrup, 125mg/5ml. | 220 litres |
| 7. | Co-trimoxazole Tablets (Trimethoprim 80mg) (sulphamethoxazole 400mg) | 500,000 tablets |
| 8. | Co-trimoxazole Syrup (Trimethoprin 40mg) Paediatric (Sulphamethoxazole 200mg) | 900 litres |
| 9. | Cimetidine Tablets, 200mg. | 260,000 tablets |
| 10. | Glibenclamide Tablets, 5mg. | 285,000 tablets |
| 11. | Ketoprofen Tablets, 200mg. | 500,000 tablets |
| 12. | Ketoprofen Capsules, 25mg. | 160,000 capsules |
| 13. | Gentamicin Injection 80mg/2ml (suitable for IV/IM use) | 3,560 vials |
| 14. | Gentamicin Eye drops, 0.3% | 4,000 bottles |
| 15. | Mefenamic Acid Capsules, 250mg. | 850,000 capsules |
| 16. | Mefenamic Acid Suspension, 50mg/5ml. | 800 litres |
| 17. | Metronidazole Tablets, 200mg. | 120,000 tablets |
| 18. | Metronidazole Infusion, 100mg. | 1,800 vials |
| 19. | Sabutamol Tablets, 2mg. | 650,000 tablets |
| 20. | Salbutamol Tablets, sustained release 8mg. | 87,500 tablets. |

3. Tenders may only be accepted from authorised Pharmaceutical distributors under the Poisons Enactment.
4. All drugs supplied must have at least TWO YEARS to expiry date.
5. All tenders must be accompanied by :
   a) sample of product offered.
   b) information leaflet which should indicate name of drug, country of origin and manufacturer of drug.
   c) In case of ANTIBIOTICS, a certificate of analysis of each item offered must also be submitted.
6. The successful tenderer will be required to store stocks of drugs in an air-conditioned room.
7. The contract may be terminated by either party by giving one month's notice in writing.
8. Tenders must indicate packing size of items offered.
9. Tenders must be placed in plained sealed envelope on the face of which should be written "DRUGS and MEDICINE". There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.
10. Tenders deposit will be $500.00.
11. Tenders form will be obtain from Accounts Section, Medical Headquarters, Bandar Seri Begawan, Brunei.
12. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## JABATAN PELAJARAN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Brunei untok mengikuti kursus2 berikut yang akan bermula dalam bulan Januari 1982 : —

**SEKOLAH BANGUNNAN SULTAN SAIFUL RIZAL, JALAN MUARA**

(a) **Kursus Praktikal Menyusun Batu-Bata (Satu Tahun)**
Pemohon2 mesti-lah telah menamatkan persekolahan Menengah Rendah. Chalon2 yang berjaya akan di-bayar alaun sa-banyak $55.00 satu bulan dan pakaian perchuma.

(b) **Kursus City and Guilds Perabot (Separoh Masa — Tiga Tahun)**
Pemohon2 mesti-lah telah mempunyai pekerjaan yang berhubong dengan perabot. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang pernah mengikuti kursus perabot. Kursus ini akan di-adakan dua hari dalam sa-minggu untok sa-lama tiga tahun.

**PUSAT LATEHAN TEKNIKAL BRUNEI, JALAN MUARA**

**Kursus City and Guidls 385 Vehicle Body Craft Studies Part II (Penoh Masa — 6 Bulan)**

Pemohon2 mesti-lah telah berjaya menamatkan kursus City and Guilds 385 Vehicle Body Craft Studies Pt I atau kursus City and Guilds 380 Motor Vehicle Craft Studies Pt. I.

Mata2 Pelajaran yang di-pelajari termasok : —

(i) Body Engineering Technology
(ii) Body Engineering Materials
(iii) Body Engineering Calculations
(iv Body Engineering Repair Tecnniques.

Borang2 permohonan boleh di-dapati dari Bahagian Teknikal, Jabatan Pelajaran atau dadi Pengetua2 Sekolah Teknikal. Permohonan2 hendak-lah di-hantar kapada Penyusurf Pelajaran Teknikal tidak lewat dari 10hb Disember, 1981.

## TENDER NOTICE

**GOVERNMENT OF BRUNEI**
**NEW GENERAL HOSPITAL AT KIULAP, BRUNEI**
**Landscaping and External Works**

EXPERIENCED Landscaping Contractors who are capable of carrying out the landscaping related to this important project are invited to apply for prequalification. The work involves both the planting of trees, shrubs, etc and hard landscaping to the approximately 30 acre site on four platforms. The work will be carried out in phases and contractors must be prepared to carry out the following and bear all costs connected therewith :

1. The acquisition of a Plant Import Permit in order to import plant species under the limitations of the Plant Import Regulations as laid down by Government of Brunei.
2. The setting up of a nursery in Brunei.
3. The work to be described in the Contract Documents, including propagation, transplanting, protection of plants and maintenance over a one year period.

Interested parties should write in the first instance to Alister MacDonald dan Rakan, 309-310 Seri Complex, Mile 1 Jalan Tutong, P O Box 715, Bandar Seri Begawan, Brunei giving details of previous experience on similar projects. Tenders will be called around the end of 1981.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN

### TAWARAN UNTOK MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM

TAWARAN2 ada-lah di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Brunei Tingkat Bawah Bangunan Jabatan Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei hingga jam 12.00 tengah hari hari Selasa 8hb Disember, 1981 bagi membuat dan membekal : —

SA-BANYAK LEBEH KURANG 200 PASANG PAKAIAN SERAGAM UNTOK PEGAWAI2 IMIGERESEN KANAN DAN PEGAWAI IMIGERESEN. JABATAN IMIGERESEN, BRUNEI BAGI SA-PANJANG TAHUN 1982.

2. Penawr2 hendak-lah menyatakan harga tiap2 helai seluar dan baju dan hendak-lah menyertakan bersama2 dengan surat tawaran-nya chontoh kain yang di-gunakan. Butir2 lanjut mengenai dengan bentok dan kain yang biasa-nya di-gunakan boleh di-dapati daripada Ibu Pejabat Imigeresen, Bandar Seri Begawan, Brunei.

3. Penawar yang berjaya hendak-lah bersedia membuat dan membekal sa-tiap pesanan di-dalam tempoh tidak lebeh dari 21 hari dari tarikh indent di-keluarkan.

4. Tawaran2 hendak-lah di-kembalikan di-dalam sampol surat yang bertutop dan berlak (sealed) serta di-tandakan dengan terang "TAWARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM UNTOK PEGAWAI2 IMIGERESEN." Nama2 penawar tidak boleh di-tulis di-luar sampol surat itu.

5. Kerajaan tidak akan terikat untok menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TENDER NOTICE

### CLEANING OF RTB PREMISES

TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from local contractors up to 12.00 noon, December 10th 1981 for the CLEANING OF RTB PREMISES 1982/1983. The successful tenders will sign with the Controller of RTB a contract which shall operate for a two-year period, renewable every year. Tenderers may obtain further details from the office of the Superintendent Engineer, RTB, who will also make arrangements for a detailed inspection of the premises. Failure to take advantage of these facilities may preclude the tenderer from final consideration.

Tenderers are requested to submit to the Chairman of Tenders Board two quotations for the cleaning contract per year. These quotations shall be made under the following sub-headings.

(i) Quotation including the supply of chemicals (as per the Schedule 7.3. in Appendix 'D' of the Cleaning Contract, obtainable with other details of the contract).

(ii) Quotation not including the supply of chemicals (that is, these chemicals will be supplied by RTB).

# AMALKAN CHARA HIDUP BERBAIK2 SA-SAMA JIRAN SA-KAMPONG

Dari muka 1

laksanaan sa-suatu yang Beta fikirkan untok kebajikan raayat am-nya," titah Baginda.

Mengenai tentang ada-nya orang2 luar yang tinggal di-negeri ini tanpa surat pengenalan, paspot atau surat perjalanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menarek perhatian yang berat dengan mengingatkan kapada Penghulu2 dan Ketua2 Kampong serta pendudok2 kampong supaya lebeh berhati2 dan sama2 menjalankan tanggong-wajab pada melaporkan perkara ini kapada pehak2 yang berkenaan jika terdapat kechurigaan terhadap orang2 luar yang menumpang di-kampong masing2.

Langkah sa-umpama ini, titah Baginda, ada-lah penting pada menjaga suasana keamanan dan ketenteraman yang kita sedang nikmati di-negeri ini pada masa ini.

"Kejadian sa-umpama ini mungkin dapat di-elakkan dari berlaku jika sa-tiap pendudok sentiasa berwaspada dan mengamalkan sikap mengindahkan hal ehwal kampong-nya dan berhati2 terhadap kedatangan orang2 luar yang chuba tinggal sa-chara haram dari segi undang2 negeri ini," titah Baginda Yang Dipertuan.

Kebawah DYMM juga menasehatkan kapada pendudok2 mukim di-negeri ini supaya terus mengamalkan chara hidup berbaik2, hormat-menghormati, berbaik2 dengan jiran tetangga dan bermuafakat pada jalan kebajikan yang di-redhai oleh Allah.

Nilai2 yang baik lagi sehat ini, titah Baginda itu lagi, ada-lah merupakan adat berkampong yang di-warithi sejak zaman berzaman yang patut-lah di-amalkan demi untok mengekalkan suasana kehidupan yang aman dan tenteram.

"Dan sebalek-nya hindari-lah dari mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri yang langsong tidak mengambil berat akan jiran sa-kampong dalam hal2 yang berkebajikan," tegas Baginda.

Walau bagaimana pun, Baginda Yang Dipertuan telah melahirkan rasa gembira tentang meningkat-nya kesedaran pendudok kampong dan mukim dalam mengusahakan terutama pada mendirikan masjid atau Balai2 Ibadat, kemudahan bagi belajar ugama yang kesemua-nya ini di-laksanakan sa-chara memuchang-muchang.

Usaha sa-demikian ini ada-lah sangat baik untok di-tauladani kerana ia-nya bukan sahaja di-hajati pada menuntut keredhaan Allah tetapi dapat pula menyatu padukan masharakat2 kampong dengan lebeh erat lagi dalam suasana kehidupan berkampong dan bermukim.

Mengenai dengan kemushkilan2 dan chadangan2 dari pendudok2 Mukim Peramu, Saba dan Sungai Kedayan yang di-sembahkan kapada Baginda ketika Baginda berangkat melawat ka-mukim2 tersebut, Baginda bertitah bahawa perkara2 itu telah Baginda kemukakan kapada Kerajaan Baginda untok meneliti sehalus2-nya pada membaiki keadaan yang boleh di-baiki menurut Dasar Kerajaan.

Saperti juga lawatan2 Baginda Yang Dipertuan ka-mukim2 yang lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memberikan peluang kapada pendudok2 mukim berkenaan pada menghadapkan segala masaalah2, kemushkilan termasok chadangan yang mana lebeh daripada 30 masaalah telah di-sembahkan.

Dalam keberangkatan Baginda ka-Mukim itu, Baginda juga telah menyaksikan beberapa perkembangan dan kemajuan yang terdapat di-sekitar-nya termasok-lah perkhidmatan2 perubatan, kesihatan, pelajaran dan sebagai-nya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam lawatan Baginda ka-mukim itu, telah juga berkesempatan meninjau perusahaan tempatan saperti memburis perahu, kedai2 runchit dan juga melawat ka-rumah2 ketua2 kampong.

Di-samping itu, Baginda Yang Dipertuan telah juga di-junjong ziarah oleh pendudok-pendudok di-mukim tersebut yang berbaris di-sepanjang jambatan yang di-lalui oleh Baginda.

## Pembetulan

SEDIKIT kesilapan terdapat dalam kandongan renchana pengarang di-muka 2 dalam para ketiga barisan ke-15. Ayat2 tersebut hendak-lah di-bacha saperti berikut:

. . . . Memandangkan penchemaran berulang2 di-kawasan2 tersebut, maka patut-lah mereka yang berkaitan itu menumpukan perhatian yang sunggoh2 supaya penchemaran yang mudah berlaku di-kawasan itu hendak-lah di-elakkan. Demikian juga hal-nya dengan kawasan2 yang di-sesaki oleh pertambahan rumah2 dan bangunan2 dengan kepadatan penghuni-nya.

## Hadhiri sidang Islam di-K.L.



Awang Haji Yahya.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Setia Usaha Agong Persatuan Kesatuan2 Islam Brunei — PERKASA, Awang Hj. Yahya bin Haji Ibrahim kini berada di-Malaysia untok mewakili persatuan tersebut di-persidangan Islam di-Kuala Lumpur.

Persidangan yang di-anjorkan oleh Kerajaan Malaysia dengan kerja-sama Pertubohan Persidangan2 Islam (Organisation of Islamic Conference) itu ada-lah bagi membinchangkan 'Masa-alah2 yang di-hadapi oleh gerakan dakwah Islamiah dalam masharakat Islam dan strateji masa depan'. Persidangan tersebut di-adakan sa-lama 10 hari.

Persidangan tersebut juga di-adakan bersempena menyambut kedatangan kurun ke-15 Hijrah.

Persidangan yang bermula pada hari Isnin, 24hb. Nobember itu telah di-rasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad. Kira2 200 orang perwakilan dari persatuan2 Islam di-Malaysia, Brunei dan lain2 negara Islam menyertai persidangan yang julong2 kali-nya di-anjorkan itu.

## Pertandingan membacha Al-Kor'an anjoran W.I.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna binte Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin di-jangka akan berangkat merasmikan pertandingan membacha Al-Kor'an anjoran Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei (W.I.)

Pertandingan tersebut akan di-adakan bertempat di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-sini pada hari Ahad, 29hb. Nobember depan bermula jam 10.30 pagi.

Menurut Dayang Hajjah Marhani, pengerusi pertubohan itu bahawa peraduan itu di-anjorkan ada-lah bagi menyambut kedatangan tahun baru Hijrah 1402 yang mana hanya terbuka kapada ahli2 chawangan W.I. di-seluroh negeri.

Sa-ramai enam orang peserta akan turut bertanding pada hari itu. Peserta2 tersebut dua orang dari Brunei dan tiap2 sa-orang peserta dari Daerah Tutong, Muara, Temburong dan Belait yang mewakili chawangan pertubohan itu di-daerah2 tersebut.

## Hadiah kapada penuntut2 terbaik

Dari muka 1

yang baik dalam satu2 perkara.

Mendahului majlis konvokeshen pagi itu ia-lah bachaan Al-Kor'an oleh Awang Metassin bin Haji Metussin.

Achara kemunchak konvokeshen itu ia-lah penyampaian hadiah2 kapada pelajar2 terbaik dalam mata-pelajaran2 tertentu. Dayang Asinah bte Haji Tamin, yang menchapai kelulusan terbaik dalam lima mata-pelajaran telah di-anugerahkan sebagai pelajar terbaik bagi kursus 'A' tahun 1402H/1981M. Sementara bagi kursus 'B' di-sandang oleh Dayang Maisalamah bte Aji juga menchapai taraf kelulusan yang sama.

Turut hadhir di-majlis itu termasok-lah Mufti Kerajaan Brunei, Pengarah Yunit Peranchang Ekonomi, Ahli Yang Berhormat, ketua2 jabatan dan pegawai2 kanan kerajaan. Majlis di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Mudim Haji Yassin bin Awang Damit.



YANG Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah menjadi tetamu kehormat dalam majlis khatamal Kor'an bagi 19 orang pegawai dan anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang telah di-adakan di-Madrasah Pusat Latehan Bolkiah Kem pada minggu lalu.

Gambar atas kelihatan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menabori bunga rampai kapada mereka yang menjalani khatamal Kor'an tersebut.

Turut juga hadhir di-majlis tersebut ia-lah Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman; Y.B. Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan lain2 pegawai kanan Kerajaan.

## Peraduan menulis cherpen dan sajak bekas penuntut MPSHB

GADONG. — Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah akan menganjorkan Peraduan Mengarang Cherpen dan Sajak terbuka kapada bekas penuntut maktab tersebut.

Di-samping sa-bagai salah satu achara sambutan Jubli Perak maktab tersebut, peraduan itu juga bertujuan memberikan peluang kapada bekas penuntut maktab dan bagi meningkatkan mutu serta mengembangkan bakat dalam bidang menulis cherpen dan sajak.

Sa-tiap cherpen dan sajak hendak-lah berlatarbelakangkan keBruneian yang berunsorkan nasehat, tunjok ajar dan alam pendidekan, sesuai untok bachaan orang2 dewasa. Panjang cherpen hendak-lah di-antara 1,300 hingga 1,500 perkataan.

Tiga hadiah penghormatan dan dua hadiah penghargaan di-berikan dalam bahagian mengarang cherpen. Hadiah pertama bernilai $200.00 bersama hadiah iringan, kedua, $150.00 bersama hadiah iringan dan pemenang ketiga akan menerima wang $100.00 bersama hadiah iringan. Hadiah penghargaan akan menerima wang tunai $50.00 tiap2 satu.

Sementara itu dalam bahagian menulis sajak, tiga hadiah penghormatan dan dua hadiah penghargaan akan di-berikan. Pemenang pertama akan menerima hadiah wang tunai $75.00 bersama hadiah iringan, kedua $50.00 bersama hadiah iringan dan pemenang ketiga akan menerima wang tunai $35.00 bersama hadiah iringan. Hadiah penghargaan ia-lah $20.00 tiap2 satu.

Ahli2 Jawatankuasa Peraduan tidak di-bolehkan menyertai peraduan ini. Tarikh penutop bagi memasoki peraduan ia-lah 30hb. Nobember, 1981.

Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah akan menerbitkan karangan2 yang berjaya sama ada dalam bentok buku atau di-siarkan melalui Radio Brunei tanpa sebarang bayaran kapada penulis-nya.

## *Penubohan Kelas Dewasa Ugama patut di-galakkan*

Dari muka 1

kan satu sistem yang boleh memberikan kursus2 lanjutan Ilmu2 ugama," kata Yang Berhormat.

Dalam hubongan sa-umpama ini, Yang Berhormat itu berharap supaya kursus2 sa-demikian ini patut-lah di-galakkan bukan sahaja bagi kaum2 guru tetapi bagi seluroh umat Islam di-negeri ini kerana saperti mana yang sama-sama kita ketahui ilmu ugama itu ada-lah umpama lautan yang luas dan tidak berbidok.

Menyentoh mengenai dengan ada-nya kegiatan2 masharakat yang berusaha mengadakan Kelas2 Ugama Dewasa baik yang di-adakan di-pejabat2 atau masharakat2 sa-tempat, Yang Berhormat itu sekali lagi mengharapkan supaya usaha2 sa-umpama itu akan dapat terus di-galakkan dari semasa ka-semasa.

"Chara penyampaian patut-lah di-sesuaikan dan issu2 yang hendak di-sampaikan hendak-lah di-padankan dengan keadaan lembut keras penuntut dan selera penerimaan mereka agar berpanjangan-lah minat mereka untok menuntut ilmu ugama itu," kata Yang Berhormat itu lagi.

## Kajian sa-lepas banchi

BANDAR SERI BEGAWAN. —Kajian sa-lepas banchi akan di-jalankan mulai esok, 26hb Nobember. Dalam kajian yang akan di-jalankan sahingga 17hb Disember, 1981 itu, pegawai2 banchi akan melawat rumah2 chontoh di-beberapa buah kampong.

Menurut Penguasa Banchi, Datin Hajjah Jusnani bte Haji Lawie kajian tersebut perlu di-jalankan tiga bulan sa-lepas pembanchian besar di-jalankan. Banchi pendudok 1981 telah di-jalankan di-seluroh negeri dalam bulan Ogos yang lalu.

"Ada-lah tidak di-nafikan, sama ada di-Brunei atau di-negeri2 lain, bahawa sa-tiap banchi pendudok tidak kurang dari kesalahan di-sebabkan oleh pergerakan pendudok dan pengkajian di-jalankan serentak di-seluroh negeri."

Tetapi sa-takat mana kesalahan itu dan sa-takat mana pembetulan dan kajian hanya-nya akan dapat di-nilai sa-telah kajian sa-lepas banchi itu selesai di-jalankan.

Datin Hajjah Jusnani berkata, bagi kajian ini hanya sa-banyak 10 peratus dari jumlah rumah dalam tiap2 daerah di-pileh sa-bagai rumah2 chontoh.

"Hanya pendudok2 dalam rumah chontoh sahaja yang akan di-temuduga."

Menurut beliau, kajian ini di-jalankan di-bawah Undang2 Banchi Bab 78 dari Undang2 Negeri Brunei dan semua keterangan yang di-berikan akan di-rahsiakan.

Untok memudahkan pengkajian itu, semua pegawai banchi akan membawa bersama mereka kad pengenalan serta surat lantekan mereka dan akan memakai lenchana banchi.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.